Februari
2022

# BERITA PORTAL

PORTAL RASMI
KEMENTERIAN PERTAHANAN

www.mod.gov.my

## ISI KANDUNGAN :


| | | |
|---|---|---|
| 1. | Hubungan Bilateral Bersama Pertahanan Malaysia - Amerika Syarikat Terus Diperkukuh<br>Malaysia, US Reaffirm Strong Bilateral Defence Ties | 5 |
| 2. | Srikandi Wanita MALBATT, Wirawati Helmet Biru<br>*MALBATT: Female Peacekeepers Under The Blue Helmets* | 7 |
| 3. | ATM Dan Petronas Teruskan Kerjasama Latihan Pendaratan Helikopter Di Pelantar Minyak<br>*MAF-Petronas Continues Its Helideck Landing Training On Offshore Facilities Cooperation* | 9 |
| 4. | TLDM Teruskan Kerjasama Bersama MIMOS<br>*RMN, MIMOS Agreed To Extend Partnership* | 12 |
| 5. | Lawatan Kerja Menteri Kanan Pertahanan Ke Pangkalan Udara Butterworth<br>*Senior Defence Minister Work Visit To Butterworth Air Base* | 15 |
| 6. | Lawatan Kerja Panglima Tentera Udara Ke Pangkalan Udara Subang<br>*RMAF Chief Made A Working Visit To Subang Air Base* | 18 |
| 7. | Pemakaian Pangkat Pegawai TLDM Dan PSSTLDM Dan Pemakaian Lencana Kepakaran<br>*RMN And RMNVR Pinning-On-Rank And Professional Badge Application* | 22 |
| 8. | Pelancaran Coffee Table Book "A-4PTM SKYHAWK CHRONICLE'' Mencatatkan Sejarah Dan Kenangan Alumni SKYHAWK<br>*Coffee Table Book Launch: 'A-4PTM SKYHAWK CHRONICLE', Unveiling Memories And Histories Of SKYHAWK Alumni* | 24 |
| 9. | JHEV ATM Laksana Program Gotong-Royong Bersih Rumah Veteran<br>*MAF Veteran Affairs Department Execute GotongRoyong Programme Clean Veterans House* | 29 |
| 10. | Majlis Penyampaian Sayap Penerbangan Kursus Asas Penerbangan Helikopter Siri 62/21<br>*Pilot Wing Presentation Ceremony Of Basic Helicopter Flying Course Series 62/21* | 31 |
| 11. | Graduan Tunggal Pegawai Kanan TUDM Berjaya Rangkul Tempat Ketiga Graduan Terbaik<br>*Sole Graduate Of RMAF Senior Officer Graduated Third Among Graduands* | 35 |

12. Panglima Angkatan Tentera Terima Anugerah Ketenteraan Tertinggi 38
*Malaysian Armed Forces Chief Conferred Singapore's Highest Military Award*

13. ATM Terima Pingat Pertubuhan Negara Bangsa-Bangsa Bersatu (PNBB) 41
*MAF Receives The United Nations Medal*

14. PTD Santuni Ibu Kepada Staf PTD Yang Telah Meninggal Dunia, Allahyarham Koperal Muhammad Hakimi Bin Mohamad Khir 43
*Chief Of Army Visit Mother To Chief Of Army's Staff Who Passed Away, Late Corporal Muhammad Hakimi Bin Mohamad Khir*

15. Eagle Eye 25 Meter Shooting Range Kem Tun Razak, Tingkat Kemahiran Menembak Warga Divisyen Kedua Infantri 45
*Tun Razak Camp Shooting Range, Effort To Enhance Shooting Skills Of Second Division Members*

16. Program Cakna Veteran ATM 47
*"Cakna Veteran ATM" Programme*

17. Timbalan Menteri Pertahanan Santuni Veteran ATM Di Kluang 49
*Deputy Defence Minister Visit MAF Veteran In Kluang*

18. Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Rai Petugas AKM Dan Sukarelawan Pasca Banjir Mindef 51
*Defence Ministry Secretary General Celebrates AKM Teams And Mindef Flood Relief Volunteers*

19. Keupayaan Mobiliti Kor Polis Tentera Diraja Dipertingkatkan 53
*Mobility Capabilities Of The Royal Military Police Corps Enhanced*

20. Lawatan Kerja Rasmi Panglima Tentera Udara Ke Pangkalan Udara Kuantan Dan Sekolah Latihan Tempur TUDM (SLTT) 55
*Official Working Visit By The Chief Of The Air Force To Kuantan Air Base And RMAF Combat Training School (SLTT)*

21. Amanat Tahun Baharu 2022 Ketua Setiausaha 59
*Defence Ministry Secretary General Unveils New Year Mandate*

22. Panglima Angkatan Tentera Perkasa Hubungan Diplomasi Pertahanan Dan Antarabangsa Di Lubnan 62
The Malaysian Armed Forces Chief Enhances Defence And International Diplomacy Ties In Lubnan

| | | |
|---|---|---|
| 23. | Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Sempurnakan Program Cakna Veteran ATM Peringkat Negeri Johor<br>*Secretary General Of Defence Ministry Completed "Cakna Veteran ATM" Programme Johor State Level* | 67 |
| 24. | Empat Pegawai Kanan Dinaikkan Pangkat<br>*Four Senior Officers Promoted* | 71 |
| 25. | Enam Unit Pesawat MD530G Perkukuhkan Ketumbukan Tempur TDM<br>*Six MD530G Helicopters To Bolster Malaysian Army's Combat Capability* | 74 |

# HUBUNGAN BILATERAL BERSAMA PERTAHANAN MALAYSIA - AMERIKA SYARIKAT TERUS DIPERKUKUH




KUALA LUMPUR, 3 Februari 2022 – Tentera Darat Malaysia (TDM) terus mengeratkan hubungan bilateral pertahanan menerusi Sidang Video bersama Commanding General U.S. Army Pacific (USARPAC), General Charles A. Flynn pada hari ini.

Panglima Tentera Darat (PTD), Jeneral Tan Sri Dato' Seri Zamrose bin Mohd Zain beserta pegawai-pegawai kanan TDM telah menghadiri perbincangan secara sidang video bertempat di Pusat Operasi Tentera Darat (POTD), Markas Tentera Darat.

Pertemuan bilateral secara sidang video ini diadakan bertujuan mengeratkan lagi hubungan di antara kedua-dua negara serta membincangkan rancangan pelaksanaan aktiviti bilateral pertahanan dan kerjasama ketenteraan bagi tahun 2022 di antara Tentera Darat Malaysia dan U.S. Army Pacific.

Pelaksanaan aktiviti pengukuhan pertahanan sebegini adalah sejajar dengan Tonggak Keempat Perintah Ulung Panglima Tentera Darat iaitu "Pengukuhan Hubungan Pertahanan" di mana ia menumpukan kepada aspek pengukuhan kerjasama pertahanan di peringkat serantau dan antarabangsa.

****************************************************************************************************

# MALAYSIA, US REAFFIRM STRONG BILATERAL DEFENCE TIES

KUALA LUMPUR, February 3, 2022 – The Chief of the Malaysian Army, General Tan Sri Dato' Seri Zamrose bin Mohd Zain, and the Commanding General of the United States Army Pacific (USARPAC), General Charles A. Flynn conducted a video conference earlier today to reaffirm the longstanding bilateral defence relations between both nations.

The discussion was also attended by the senior Malaysian Army officers, at Pusat Operasi Tentera Darat (POTD), Malaysian Army Headquarters.

This bilateral video conference was held to strengthen relations between the two nations and to discuss plans pertaining to the bilateral exercises and military cooperation between the Malaysian Army and the U.S. Army Pacific in 2022.

This bilateral video conference was held to strengthen relations between the two nations and to discuss plans pertaining to the bilateral exercises and military cooperation between the Malaysian Army and the U.S. Army Pacific in 2022.

Such defence activities are in line with the Fourth Pillar of the Chief of Army Superior Order, namely "Strengthening Defence Relations," which emphasises issues of strengthening regional and international defence cooperation.

# SRIKANDI WANITA MALBATT, WIRAWATI HELMET BIRU




LUBNAN, 5 Februari 2022 – Pegawai dan anggota wanita Pasukan Pengaman Batalion Malaysia (MALBATT) 850-9 membuktikan tahap profesionalisme dalam melaksanakan tugas operasi di barisan hadapan dalam misi pengaman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Lubnan.

Markas Angkatan Bersama (MK AB) dalam hantaran di media sosialnya berkata, pegawai dan anggota wanita turut serta dalam tugasan anggota lelaki MALBATT dan tentera Lubnan seperti rondaan serta tugasan di check point.

“MALBATT 850-9 telah melakar sejarah apabila buat julung kalinya menampilkan jumlah anggota wanita Angkatan Tentera Malaysia (ATM) paling ramai sejak terbabit misi Pasukan Interim PBB (UNIFIL).

“Melibatkan 11 pegawai dan 75 anggota wanita ATM,” katanya.

Kekuatan keseluruhan MALBATT 850-9 ialah seramai 854 orang iaitu 83 pegawai dan 771 anggota diketuai Kolonel Megat Maz Ardi Nohuddin selaku Komander MALBATT 850-9.

Menurut MK AB, ATM terus komited untuk menghantar lebih ramai pegawai dan anggota wanita bagi menyertai misi pengaman pada masa akan datang selaras dengan ketepatan oleh PBB. - airtimes.my

*****************************************************************************************************

## MALBATT: FEMALE PEACEKEEPERS UNDER THE BLUE HELMETS

LEBANON, February 5, 2022 – Officers and female members of the Malaysian Battalion (MALBATT) 850-9 Peacekeeping Force demonstrated their high professionalism while conducting operational responsibilities on the front lines of United Nations (UN) peacekeeping operations in Lebanon.

Based on a social media post from the Joint Forces Headquarters (MK AB), officers and female members are participating in the duties of male MALBATT members and the Lebanese army, such as patrols and checkpoint operations.

“MALBATT 850-9 team has made MAF history for having the most number of women personnel since the MAF’s involvement in the United Nations Interim Force in Lebanon (UNIFIL) mission.”

“Involving 11 officers and 75 MAF women personnel," he added.

In total, it consists of 854 personnel, comprising 83 officers and 771 members, led by Colonel Megat Maz Ardi Nohuddin as the Commander of MALBATT 850-9.

According to MK AB, MAF remains committed to sending more women personnel in community peacekeeping in the future, which is in line with the current needs of the UN. - airtimes.my

# ATM DAN PETRONAS TERUSKAN KERJASAMA LATIHAN PENDARATAN HELIKOPTER DI PELANTAR MINYAK




KUALA LUMPUR, 8 Februari 2022 – Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan PETRONAS telah mengukuhkan lagi kerjasama antara dua agensi melalui Majlis Menandatangani Terma Rujukan Helideck Landing Training On Offshore Facilities (HLTOF) di Wisma Perwira ATM.

Majlis menandatangani terma rujukan berkenaan yang disempurnakan oleh Ketua Staf Markas Angkatan Tentera Malaysia (KS ATM), Lt Jen Datuk Mohd Zakaria bin Hj Yadi, mewakili ATM dan Pengurus Kanan Tadbir Urus Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran, Pengurusan Petroleum Malaysia, Encik Azrul bin Abdul Hamid mewakili Petronas, merupakan kerjasama dari aspek pelaksanaan latihan pendaratan helikopter ATM di pelantar minyak milik Petronas.

Kebolehoperasian helikopter ATM dalam melaksanakan latihan pendaratan di pelantar minyak berkenaan dapat mempertingkatkan keupayaan ATM untuk memantau dan mengawal keselamatan perairan negara di samping meningkatkan keupayaan dalam pelaksanaan Operasi Maritim, Medevac, Casevac, Search And Rescue dan Maritime Air Surveillance.

Pada tahun 2013 lagi, pihak Petronas telah bersetuju dengan cadangan ATM bagi penggunaan tapak pendaratan helikopter berkenaan dan telah membenarkan pesawat ATM dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) untuk melaksanakan latihan

pendaratan di atas Pelantar Minyak Siwa yang berstatus Mothball. Latihan pendaratan tersebut telah dilaksanakan pada 2014 dan berakhir pada 2016.

Pada 2021, Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Carigali Sdn Bhd dalam Kunjungan Hormatnya ke atas Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan telah mencadangkan agar latihan pendaratan tersebut disambung semula. Lanjutan daripada cadangan tersebut, ATM telah diberikan mandat untuk menyemak dan menambah baik terma rujukan latihan pendaratan tersebut bersama-sama dengan pihak Petronas.

Turut hadir di dalam majlis ini adalah Asisten Ketua Staf Operasi Dan Latihan Pertahanan, Leftenan Jeneral Dato' Hashim Bin Aman Shah, Pegawai Kanan ATM, APMM, Kementerian Pertahanan Malaysia serta delegasi dari Petronas.

Sumber : Markas Angkatan Tentera Malaysia

****************************************************************************************************

## MAF-PETRONAS CONTINUES ITS HELIDECK LANDING TRAINING ON OFFSHORE FACILITIES COOPERATION

KUALA LUMPUR, February 8, 2022 – The Malaysian Armed Forces (MAF) and PETRONAS have further strengthened their partnership through the Terms of Reference Signing Ceremony of Helideck Landing Training on Offshore Facilities (HLTOF) at Wisma Perwira ATM.

The TOR was signed by the Malaysian Armed Forces Headquarters Chief of Staff (KS ATM), Lt Gen Datuk Mohd Zakaria bin Hj Yadi, together with the Senior Manager of Health, Safety and Environment, Malaysian Petroleum Management, Azrul bin Abdul Hamid. To add, this collaboration aims to conduct the MAF helicopter landing exercises on Petronas' oil rigs.

It is believed that the operability of MAF helicopter in performing landing exercises on the oil rig can enhance their ability to monitor and regulate the security of our national waters as well as increase their capabilities in the implementation of Maritime Operations, Medevac, Casevac, Search and Rescue, and Maritime Air Surveillance.

In 2013, Petronas consented to the MAF's proposal to enable MAF and the Malaysian Maritime Enforcement Agency (APMM) to conduct landing exercises on the mothballed-status Shiva Oil Rig. The landing practice began in 2014 and ended in 2016.

In 2021, the Chief Executive Officer of Petronas Carigali Sdn Bhd suggested that the landing exercise be resumed in his courtesy call to the Secretary General of the Defence Ministry. In

response to the suggestion, the MAF has been mandated to review and improve the landing exercise's terms of reference in collaboration with Petronas.

Also present at the ceremony were the Assistant Chief of Staff, Defence Operation and Training, Lieutenant General Dato' Hashim Bin Aman Shah; senior officers of MAF, APMM, and the Defence Ministry, as well as a delegation from Petronas.

Source: Malaysian Armed Forces Headquarters

# TLDM TERUSKAN KERJASAMA BERSAMA MIMOS




BUKIT JALIL, 8 Februari 2022 - Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany telah menyempurnakan Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman di antara MIMOS Berhad dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Kehadiran Panglima Tentera Laut telah disambut oleh Dr Iskandar Samad, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS Berhad.

Memorandum Persefahaman di antara MIMOS dan TLDM ini telah dimeterai pada 30 Oktober 2021 untuk tempoh selama 5 tahun, iaitu sehingga 29 Oktober 2026. Memorandum ini bertujuan untuk melaksanakan kerjasama penambahbaikan dan peningkatan dalam bidang ICT bagi TLDM.

Beberapa kerjasama dan aktiviti telah dilaksanakan seperti khidmat nasihat teknikal untuk pembangunan Sistem Pengurusan Pemantauan Bersepadu TLDM, atau RMN-ILIS, latihan dan penggunaan teknologi MIMOS untuk pemantauan Sistem TLDMnet, serta perlaksanaan projek pembuktian konsep (POC) bagi teknologi ICT yang dibangunkan berdasarkan keperluan TLDM.

Selain daripada itu, kesinambungan daripada kejayaan projek POC RMN-ILIS, MIMOS juga meneruskan khidmat nasihat teknikal bagi membantu TLDM membuat persediaan

perlaksanaan projek Sistem Maklumat Kesediaan Bersepadu TLDM, atau RMN-IRIS, yang akan datang.

Selesai upacara pertukaran memorandum, Laksamana Tan Sri Mohd Reza dan delegasi dibawa melawat fasiliti MIMOS Berhad iaitu ke Big Data IoT Technology Accelerator Lab (BITX) dan juga MIMOS Semiconductor Technology Centre.

Panglima Tentera Laut juga sempat menyaksikan beberapa demostrasi yang ditunjukan dan mendengar taklimat berkaitan teknologi-teknologi yang sedang dibangunkan oleh pihak MIMOS.

Turut hadir sebagai delegasi TLDM adalah Asisten Ketua Staf (AKS) Materiel, Laksamana Muda Dato' Pahlawan Affenddy bin Suhaimi; Inspektor Jeneral TLDM, Laksamana Muda Chan Peng Cheong; AKS Operasi dan Strategi, Laksamana Muda Khir Junaidi bin Idris; AKS Komunikasi Peperangan dan Sistem Informasi (KPSI), Laksamana Pertama Azman bin Rabani; Pengarah Kanan Perancangan dan Pembangunan, Laksamana Pertama Yusne bin Mokhtar serta Pegawai Kanan dan anggota dari Bahagian KPSI.

Diharapkan hubungan di antara pihak TLDM dan MIMOS Berhad akan diteruskan lagi di masa akan datang.

Sumber : Tentera Laut Diraja Malaysia

****************************************************************************************************************

## RMN, MIMOS AGREED TO EXTEND PARTNERSHIP

BUKIT JALIL, February 8, 2022 – The Chief of the Navy, Admiral Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany, has officially concluded the Memorandum of Understanding (MoU) Exchange Ceremony between MIMOS Berhad and the Royal Malaysian Navy (RMN).

Upon his arrival, he was welcomed by Dr Iskandar Samad, President and Chief Executive Officer of MIMOS Berhad.

MIMOS and RMN signed a Memorandum of Understanding on October 30, 2021, for a five-year period ending on October 29, 2026. This agreement serves to bind both parties together in order to further strengthen and boost RMN's information and communications technology (ICT).

Previously, several collaborations have been carried out, including technical advisory services for the development of the RMN Integrated Logistics Information System, or RMN-ILIS, MIMOS technology training programmes to monitor the TLDMnet system, as well as the

implementation of proof-of-concept projects for developed ICT technologies based on the current demands. Apart from that, MIMOS continues to provide technical advisory services to RMN in preparation for the future RMN Integrated Readiness Information System, or RMN-IRIS project, based on the success of the RMN-ILIS project. Following the exchange of memorandums, Admiral Tan Sri Mohd Reza and the delegation visited MIMOS Berhad's facilities, which included the Big Data IoT Technology Accelerator Lab (BITX) and the MIMOS Semiconductor Technology Centre.

On the same occasion, the Chief of Navy had a briefing pertaining to the MIMOS technologies that are being developed, along with the opportunity to witness several demonstrations of the projects.

The RMN delegation included Assistant Chief of Staff (AKS) Materiel, Rear Admiral Dato' Pahlawan Affenddy bin Suhaimi; RMN Inspector General, Rear Admiral Chan Peng Cheong; Assistant Chief of Staff (AKS) for Operations and Strategy, Rear Admiral Khir Junaidi bin Idris; Assistant Chief of Staff (AKS) for Communications Warfare and Information Systems (KPSI), First Admiral Azman bin Rabani; Senior Director of Planning and Development, First Admiral Yusne bin Mokhtar; as well as Senior Officers and members of the KPSI Division.

It is hoped that the long-standing relationship between RMN and MIMOS Berhad will continue in the future.

Source: Royal Malaysian Navy

# LAWATAN KERJA MENTERI KANAN PERTAHANAN KE PANGKALAN UDARA BUTTERWORTH



BUTTERWORTH, 10 Februari 2022 - Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Hussein telah melakukan lawatan kerja bagi menyaksikan 4 buah Helikopter Leonardo AW 139 yang diperolehi secara sewaan untuk kegunaan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) bertempat di Pangkalan Udara (PU) Butterworth.

Perolehan Helikopter AW 139 secara sewaan ini adalah untuk meningkatkan lagi kesiagaan dan keupayaan ATM. Selain itu, ia merupakan kehendak serta keperluan end user sendiri iaitu TUDM bagi mengukuhkan usaha mempertahan kedaulatan ruang udara negara.

Sewaan Helikopter AW 139 ini dilaksanakan bagi menampung penugasan Helikopter NURI yang telah tamat operasi. Selain itu, ia juga bagi memastikan Aircraft Hours, kos operasi dan senggaraan Helikopter EC725AP lebih efektif serta mengekalkan kompetensi anak kapal Helikopter NURI.

Helikopter AW 139 yang akan ditempatkan di No.3 Skuadron, PU Butterworth ini turut berkeupayaan melaksanakan peranan dan tugas utiliti fleet helikopter TUDM serta mampu dioperasi pada waktu siang dan malam.

Menteri Kanan Pertahanan juga turut melawat Rumah Keluarga Malaysia Angkatan Tentera (RKMAT) di PU ini yang telah dan akan dinaiktaraf. RKMAT sedia ada di seluruh negara akan dinaiktaraf demi menambahbaik keselesaan dan keselamatan anggota serta ahli keluarga mereka memandangkan keluasan RKMAT sedia ada iaitu 850 kaki persegi sudah tidak lagi menepati kelayakan semasa iaitu 1100 kaki.

Susulan cadangan beliau dahulu, sebanyak 288 unit RKMAT akan digabungkan menjadi 144 unit sekaligus menjadikan keluasan baharu ialah 1700 kaki persegi. Daripada jumlah 144 unit ini, 60 unit telah pun siap menerusi 3 fasa. Manakala fasa 4 pula akan bakal dimulakan dalam masa terdekat dimana ia akan melibatkan 168 unit asal yang akan digabungkan menjadi 84 unit.

Turut serta, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YB Dato' Sri Muez bin Abdul Aziz; Panglima Tentera Udara, YBhg. Jeneral Tan Sri Ackbal bin Hj. Abdul Samad TUDM serta pegawai-pegawai kanan Awam dan tentera Kementerian Pertahanan.

****************************************************************************************************

## SENIOR DEFENCE MINISTER WORK VISIT TO BUTTERWORTH AIR BASE

BUTTERWORTH, February 10 2022 – Senior Defence Minister, YB Dato' Seri Hishammuddin Hussein accomplished a work visit to witness 4 Leonardo AW 139 Helicopters obtained by rent for Royal Malaysian Air Force (RMAF) use located at Butterworth Air Base.

This rented procurement, AW 139 Helicopter is to enhance the MAF's readiness and capabilities. Apart from that, it is the will and need of the end user itself which is RAMF to strengthen the effort to protect the country's airspace sovereignty.

This rented AW 139 Helicopter is done to support the NURI Helicopter delegation that finished its operation. Apart from that, it is also to ensure the Aircraft Hours, operation cost and EC725AP Helicopter's maintenance are more effective as well as maintaining the competency of NURI Helicopter crews.

AW 139 Helicopter that will be placed at Squadron No.3, Butterworth Air Base is also capable in accomplishing RAMF fleet helicopter's role and utility task as well as can operate during day and night.

Senior Defence Minister also visited the Malaysian Armed Forces Family Houses (RKMAT) at this Air Base that were already and will be upgraded. RKMAT available around the country will be upgraded to improve the comfort and safety of the members and their family

considering the area of the available RKMAT which is 850 square foot no longer fulfil the current requirement which is 1100 foot.

Following his previous suggestion, 288 units of RMKAT will be merged into 144 units at once making the new area 1700 square foot. From the total of 144 units, 60 units are already completed through 3 phases. Meanwhile phase 4 will start in the nearest time where it involves 168 original units that will be merged into 84 units.

Also present, Secretary General Ministry of Defence, YB Dato' Sri Muez bin Abdul Aziz; Chief of Air Force, General Tan Sri Ackbal bin Hj. Abdul Samad RAMF as well as Civil senior officers and Defence Ministry's army.

# LAWATAN KERJA PANGLIMA TENTERA UDARA KE PANGKALAN UDARA SUBANG



SUBANG, 11 Februari 2022 – Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM telah membuat lawatan rasmi ke Pangkalan Udara Subang. Lawatan rasmi ini turut disertai isteri Panglima Tentera Udara iaitu Puan Sri Norainy binti Shahar Alam merangkap Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Udara (JTBU).

Ketibaan Panglima Tentera Udara dan delegasi di Masjid Pangkalan telah disambut oleh Komander Pangkalan, Brig Jen Omar bin Hj Dawami TUDM dan kumpulan eksekutif pangkalan serta isteri, Puan Normah binti Ismail selaku Pengerusi BAKAT Udara PU Subang.

Sebaik tiba di PU Subang, Panglima Tentera Udara telah menyempurnakan Perasmian Pusat Kaunseling Islam Al-Ghazali (PKIA) PU Subang. PKIA merupakan projek perintis dalam memberi perkhidmatan Kaunseling keluarga Islam berasaskan pendekatan kaunseling Al-Ghazali kepada warga ATM amnya dan TUDM khususnya. Acara perasmian PKIA ini disempurnakan dengan simbolik menandatangani plak oleh Panglima Tentera Udara.

Panglima Tentera Udara bersama deligasi kemudiannya meneruskan lawatan ke No. 20 Skuadron. Ketibaan Panglima Tentera Udara disambut oleh Pegawai Memerintah No. 20 Skuadron, Lt Kol Faizul Hussien bin Dato' Ismail TUDM serta diberikan taklimat berkenaan pengoperasian skuadron. Beliau melawat ke Flight Training Device (FTD) bagi melihat sendiri cara pengoperasiannya. Panglima Tentera Udara turut meluangkan masa bertemu anak kapal

dan menyempurnakan Penyampaian Sijil Kepujian kepada tiga (3) anggota AQM PU Subang sebagai tanda penghargaan. Sijil Kepujian tersebut telah dianugerahkan kepada PW U II Hanif bin Abd Fatah dari No. 16 Skn, PW U II Mohd Osman bin Sareh dari No. 20 Skn dan FSjn Wahiyudin bin Wahid juga dari No. 20 Skn di atas dedikasi dan komitmen kerja yang dicurahkan.

Lawatan diteruskan ke No. 16 Skuadron dan disambut oleh Pegawai Memerintah No. 16 Skuadron, Lt Kol Mohamad Zaini bin Zainorin TUDM. Panglima Tentera Udara telah mendengar taklimat ringkas serta perkembangan semasa skuadron dan aset. Beliau turut membuat lawatan ke Structural Corrosion Inspection Program (SCIP) dalam meninjau kesiagaan aset.

Dalam masa yang sama, lawatan kebajikan JTBU dilaksanakan oleh Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Udara, Puan Sri Norainy binti Shahar Alam. Puan Sri Norainy dan delegasi dibawa melawat hasil kraftangan di Rumah BAKAT Udara PU Subang. Puan Sri Norainy seterusnya menyampaikan sumbangan kebajikan kepada enam (6) ahli BAKAT Udara.

Semoga sumbangan ini sedikit sebanyak diharap dapat membantu meringankan beban kewangan yang ditanggung dan sebagai tanda keprihatinan serta sokongan moral kepada mereka yang diuji selari dengan teras utama kewujudan BAKAT iaitu mengutamakan kebajikan keluarga.

Mengakhiri lawatan di PU Subang, Panglima Tentera Udara dan delegasi telah melawat ke Institut Perubatan Penerbangan (IPP). Penghormatan dan sejarah dicipta buat IPP apabila Panglima Tentera Udara menyempurnakan perasmian "Krueger Rehabilitation Clinic". Dengan adanya Krueger Rehabilitation Clinic ini, ianya akan menyediakan kemudahan rawatan dan sebagai pusat rehabilitasi khususnya bagi juruterbang dan anak kapal TUDM.

Lawatan Kerja PTU ke PU Subang adalah antara siri lawatan kerja rasmi beliau khususnya dalam mengekalkan kesiagaan pangkalan, mengetahui dan membantu pangkalan mengatasi cabaran berkaitan pengoperasian pangkalan dan skuadron. PU Subang menjadi antara pangkalan yang menjadi tumpuan utama. Lawatan kerja ini juga membuktikan fokus dan hala tuju pucuk pimpinan tertinggi TUDM di dalam memastikan pembangunan keupayaan TUDM sentiasa menjadi keutamaan, diperkasakan dan sentiasa berfungsi sepertimana visi dan misi TUDM.

Turut serta mengiringi Panglima Tentera Udara adalah Panglima Wilayah Udara 1, Mej Jen Dato’ Zahani bin Hj Zainal Abidin TUDM; Asisten Ketua Staf Perancangan dan Pembangunan, Mej Jen Dato' Muhammad Tarminzi bin Hj Mustapha TUDM; Asisten Ketua Staf Tadbir, Brig Jen Hj Baharudin bin Hj Abu Hassan TUDM serta pegawai-pegawai kanan TUDM yang turut disertai isteri bagi lawatan BAKAT Udara.

Sumber : Tentera Udara Diraja Malaysia

*****************************************************************************************************

# RMAF CHIEF MADE A WORKING VISIT TO SUBANG AIR BASE

SUBANG, February 11, 2022 – The Chief of the Air Force, General Tan Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad RMAF made an official visit to Subang Air Base, accompanied by his wife, Puan Sri Norainy binti Shahar Alam, who is also the Chairperson of the Air Force BAKAT Supreme Council (JTBU).

The arrival of the Air Force Chief and his delegation at the Air Base Mosque was warmly welcomed by the Base Commander, Brigadier General Omar bin Hj Dawami RMAF, and his wife, Puan Normah binti Ismail, as the Chairperson of Air Force BAKAT, Subang Air Base.

Upon arrival at the Subang Air Base, he inaugurated the “Pusat Kaunseling Islam Al-Ghazali” (PKIA), Subang Air Base. PKIA is a pilot project that provides Islamic family counselling services to MAF personnel with an emphasis on RMAF members, based on Al-Ghazali's counselling approach. The PKIA inauguration ceremony was completed with the signing of the official plaque by the Chief of the Air Force.

The Air Force Chief and his delegation then proceeded to No. 20 Squadron, where he was greeted and briefed on the squadron operation by the Squadron Commanding Officer, Lt Col Faizul Hussien bin Dato' Ismail RMAF. During his visit, he went to the Flight Training Device (FTD) to examine how it operates and functions. Also, he had the opportunity to meet the crew and present the Certificate of Honour to three (3) members of Subang Air Base AQM as a symbol of appreciation. It was granted in recognition of the dedication and commitment demonstrated by the involved personnel, namely Warrant Officer Class II Hanif bin Abd Fatah from No. 16 Sqn, Warrant Officer Class II Mohd Osman bin Sareh and Flight Sergeant Wahiyudin bin Wahid, members of No. 20 Sqn.¬

The visit continued to No. 16 Squadron, where they were greeted by the Commanding Officer of No. 16 Squadron, Lt Col Mohamad Zaini bin Zainorin RMAF. He was given a quick overview of the squadron and its assets, as well as inspecting the readiness of the assets at the Structural Corrosion Inspection Program (SCIP).

It is hoped that this contribution would assist to ease the financial burden while serving as a symbol of concern and moral support to those who are being tested. This is in line with the main thrust of the BAKAT establishment, which is to protect the welfare of its members at all times.

The Air Force Chief and the delegation concluded their tour at Subang Air Base by visiting the Institute of Aviation Medicine (IAM) RMAF. He also had the opportunity to inaugurate the "Krueger Rehabilitation Clinic," which provides treatment facilities and rehabilitation centres, especially for RMAF pilots and crews.

The Air Force Chief's visit to Subang Air Base is one of the official working visits, with the purpose of maintaining base readiness and assisting the base in overcoming issues linked to base and squadron operations. In relation to that, the Subang Air Base has become one of the main bases among the other bases. The working visit also demonstrates that the top leaders are very committed to ensuring the enhancement and development of the RMAF's capabilities, as well as that it operates in accordance with its mission and vision at all times.

The visit is accompanied by the Air Region 1 Commander, Major General Dato' Zahani bin Hj Zainal Abidin RMAF; Assistant Chief of Staff for Planning and Development, Major General Dato' Muhammad Tarminzi bin Hj Mustapha RMAF; Assistant Chief of Staff of Administration, Brigadier General Hj Baharudin bin Hj Abu Hassan RMAF; and senior RMAF officers, along with their spouses, who were involved in the Air Force BAKAT visit.

Source: Royal Malaysian Air Force

# PEMAKAIAN PANGKAT PEGAWAI TLDM DAN PSSTLDM DAN PEMAKAIAN LENCANA KEPAKARAN



KUALA LUMPUR, 11 Februari 2022 - Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany telah menyempurnakan pemakaian pangkat pegawai TLDM dan PSSTLDM di Markas Tentera Laut hari ini.

Leftenan Komander Cheng Liang Tsai TLDM telah dinaikkan pangkat ke Komander TLDM manakala Leftenan Madya Nurhidayah binti Mazlan PSSTLDM telah dinaikkan pangkat ke Leftenan PSSTLDM.

Komander Cheng bertugas di Bahagian Inspektorat Jeneral Markas Tentera Laut manakala Lt Nurhidayah adalah pegawai di Jabatan Sejarah Maritim, Pusat Strategi Maritim dan Sejarah (PUSMAS) TLDM.

Turut hadir Inspektor Jeneral TLDM, Laksamana Muda Chan Peng Cheong dan Ketua Pengarah PUSMAS TLDM, Kepten Ivan Mario Andrew TLDM.

Dalam majlis yang sama, Tan Sri Mohd Reza turut menyempurnakan pemakaian lencana Teknologi Profesional (Professional Technologists - Ts.) dan Juruteknik Bertauliah (Certified Technicians - Tc.) kepada tiga pegawai kanan dan seorang anggota.

*****************************************************************************************************

# RMN AND RMNVR PINNING-ON-RANK AND PROFESSIONAL BADGE APPLICATION

KUALA LUMPUR, February 11 2022 – Chief of Navy, Admiral Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany completed pinning-on-rank RMN and RMNVR officers at Navy Headquarters today.

Lieutenant Commander Cheng Liang Tsai RMN was promoted to RMN Commander meanwhile Sub-Lieutenant Nurhidayah binti Mazlan RMNVR was promoted to Lieutenant RMNVR.

Commander Cheng is serving the Navy Headquarters Inspectorat General Department while Lt Nurhidayah is an officer at Jabatan Sejarah Maritim, RMN Sea Power Centre.

Also present RMN Inspector General, Rear Admiral Chan Peng Cheong and Director-General RMN Sea Power Centre, Captain Ivan Mario Andrew RMN.

In the same event, Tan Sri Mohd Reza also completed the Professional Technologists - Ts. and Certified Technicians - Tc. badge application to three senior officers and one member.

# PELANCARAN COFFEE TABLE BOOK “A-4PTM SKYHAWK CHRONICLE’’ MENCATATKAN SEJARAH DAN KENANGAN ALUMNI SKYHAWK




SHAH ALAM, 14 Februari 2022 – Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM, hari ini menyempurnakan pelancaran Coffee Table Book “A-4PTM Skyhawk Chronicle” bertempat di Mes Wira Angkasa (MWA), Pangkalan Udara Subang.

Coffee Table Book ‘’A-4PTM Skyhawk Chronicle’’ ini mula dikarang pada sekitar bulan April 2020 oleh penulisnya iaitu Mejar Mohd Halim bin Aziz TUDM (Bersara) atau lebih dikenali dengan call sign “JBON”.

Beliau pernah berkhidmat di Skuadron Skyhawk bermula pada tahun 1988. Beliau telah merekodkan 1188 jam penerbangan bersama pesawat A-4PTM Skyhawk sebagai juruterbang dan jurulatih penerbangan.

Tujuan utama penerbitan coffee table book ini adalah untuk merakamkan pengalaman, kenangan serta pencapaian gemilang pesawat pejuang A-4PTM Skyhawk sepanjang 13 tahun pengoperasiannya di dalam TUDM.

Kandungan buku ini telah disusun dengan rapi untuk membawa pembaca mengimbas kenangan dari mula pengoperasian pesawat bermula tahun 1984 sehingga diberhentikan pengoperasian sepenuhnya pada tahun 1997.

Panglima Tentera Udara di dalam ucapan perasmian, menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada kumpulan penulis yang diketuai oleh Mejar Jeneral Dato’ Pahlawan Felix Gonsalves a/l Alexander TUDM (Bersara) selaku Ketua Editor di atas usaha gigih serta komitmen tinggi sehingga terhasilnya sebuah ‘‘coffee table book’’ berdasarkan rentetan sejarah dan pengalaman alumni pesawat berkenaan (juruterbang, jurutera dan juruteknik) serta warga TUDM.

Beliau juga turut menzahirkan rasa bertuah dan bersyukur kerana beliau juga menjadi salah seorang daripada alumni penerbang pesawat A-4PTM Skyhawk.

Beliau menyatakan inisiatif bagi mewujudkan coffee table book ini terbit dari tujuan utamanya iaitu bagi mendokumentasikan sejarah, kenangan dan pengalaman hidup sepanjang berkhidmat bersama pesawat A-4PTM Skyhawk khusus kepada semua termasuk generasi akan datang walaupun pesawat ini hanya berada di dalam perkhidmatan TUDM selama 13 tahun, namun, ianya telah meninggalkan kesan yang sangat signifikan kepada TUDM.

Dengan ketumbukan sebanyak 40 buah dan merupakan pesawat tempur yang berupaya pada masa itu, ianya telah memainkan peranan yang sangat penting terhadap keselamatan, keamanan dan kedaulatan negara.

Selain itu, ianya turut menyumbang kepada pembangunan sumber manusia TUDM melalui penglibatan dalam operasi, latihan dan eksesais. Pengalaman yang tidak ternilai ini menjadi penanda aras kepada juruterbang-juruterbang TUDM dalam pengoperasian pesawat pejuang generasi baru.

Di pelancaran coffee table book ini juga turut diberikan penghormatan dan senaskah buku ialah alumni pesawat A-4PTM Skyhawk antaranya ialah:

1. Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato’ Sri Hj Affendi bin Buang TUDM yang pernah menjawat pelbagai jawatan di Skuadron Skyhawk mulai 1985 hingga 1993 serta mencatatkan jumlah rekod penerbangan 1,100 jam.
2. Mantan Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Nik Ismail bin Nik Mohamed TUDM (Bersara) yang merupakan mantan Pegawai Memerintah No. 6 Skuadron pada 1987 hingga 1988 dan Pegawai Memerintah No. 9 Skuadron dari tahun 1988 hingga 1990.
3. Kolonel Ahmad Ridzwan Salleh TUDM (Bersara) yang merupakan antara pioneer dan Pegawai Memerintah No. 6 Skuadron dari tahun 1985 hingga 1987.
4. Kolonel Mohd Alwi Abdul Wahab TUDM (Bersara) yang merupakan “Project Test Pilot” dan Pegawai Memerintah No. 6 Skuadron mulai tahun 1989 hingga 1990.
5. Kolonel Dato’ Selamat Bakin TUDM (Bersara), seorang Pegawai Kejuruteraan Skyhawk yang juga merupakan “Project Test Engineer”.
6. Leftenan Kolonel Looi Kiat Hin TUDM (Bersara) iaitu Pegawai Memerintah No. 6 Skuadron dari tahun 1990 Hingga 1992.

7. Kolonel Ramly bin Ajir TUDM (Bersara) iaitu "Senior EO ASF kuantan dari tahun 1990 hingga 1992.
8. Kapten Eric Charles Manuel TUDM (Bersara) yang merupakan "Armament Officer" di PU Kuantan pada tahun 1984 hingga 1988. Beliau adalah antara pegawai yang bertanggungjawab dalam mendirikan A-4PTM Skyhawk Technical School di PU Kuantan pada tahun 1985.
9. Pegawai Waren Udara I K. Kulasingam (Bersara) yang merupakan pioneer Skyhawk dan seorang "Armourer" dari tahun 1984 hingga 1995.
10. Lans Koperal Huthama Pithiran Suppiah iaitu seorang "Engine Man" di Skuadron Skyhawk.

Beliau telah berkhidmat bersama Skyhawk dari tahun 1985 hingga 1990 sebelum bertukar kerjaya ke Malaysia Airlines. Beliau juga antara yang banyak menyumbang kepada penerbitan buku ini kerana telah berkongsi banyak koleksi peribadi beliau.

Turut bersama menyaksikan pelancaran buku ialah Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM; Mantan Panglima Tentera Udara,Tan Sri Nik Ismail bin Nik Mohamed TUDM (Bersara); Panglima Bantuan Udara, Lt Jen Dato' Indera Muhamad Norazlan bin Aris TUDM; pegawai-pegawai kanan TUDM serta mengumpulkan alumni pesawat A-4PTM Skyhawk yang menjadikan majlis ini turut berlangsung dengan suasana penuh nostalgia.

Sumber : Tentera Udara Diraja Malaysia

****************************************************************************************************

**COFFEE TABLE BOOK LAUNCH: 'A-4PTM SKYHAWK CHRONICLE', UNVEILING MEMORIES AND HISTORIES OF SKYHAWK ALUMNI**

HAH ALAM, February 14, 2022 – General Tan Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad RMAF, the Chief of the Air Force has officially launched the Coffee Table Book 'A-4PTM Skyhawk Chronicle', which was held at Mes Wira Angkasa (MWA), Subang Air Base, here today.

This Coffee Table Book 'A-4PTM Skyhawk Chronicle' was first written in April 2020 by its author, Major Mohd Halim bin Aziz RMAF (Rtd), also known by the call sign "JBON".

He served in the Skyhawk Squadron starting in 1988 and has his own record of 1188 flight hours with the A-4PTM Skyhawk aircraft as a pilot and the flight instructor.

The primary objective of publishing this book is to document the A-4PTM Skyhawk fighter aircraft's experiences, memories and major accomplishments over its 13 years of service in the RMAF.

The contents of this book have been meticulously organised to transport the reader from the beginning of the aircraft's operation in 1984, until the day it was completely decommissioned in 1997.

In his speech, the Chief of the Air Force expressed his gratitude to the group of writers, led by Major General Dato' Pahlawan Felix Gonsalves a/l Alexander RMAF (Rtd) as Chief Editor, for their hard work and dedication in producing this coffee table book, which is based on the history and experiences of aircraft alumni (pilots, engineers, and technicians) as well as RMAF personnel.

He also expressed his gratitude for being a part of the A-4PTM Skyhawk aircraft's alumni.

He stated that the initiative to produce this book derived from his previously mentioned purposes while serving with the A-4PTM Skyhawk aircraft, especially for all walks of life, including the next generation, despite the fact that this aircraft has only been in RMAF service for 13 years. However, undeniably, it has had a very significant impact on the RMAF.

With a total of 40 units and a high-performance combat aircraft at the time, it played a pivotal role in our country's security, peace and sovereignty.

Apart from that, it also contributes to the development of RMAF human resources through participation in operations, training and exercises. This valuable experience serves as a benchmark for the RMAF pilots operating new-generation combat aircraft.

During this ceremony, the A-4PTM Skyhawk aircraft alumni were honoured and handed a copy of the newly launched book. Among them are the following:

a. General Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang RMAF, the Chief of the Malaysian Armed Forces, served several roles in the Skyhawk Squadron from 1985 to 1993 and has a total flying record of 1,100 hours.
b. General Tan Sri Nik Ismail bin Nik Mohamed RMAF (Rtd), the former Air Force Chief, served as the Commanding Officer of No. 6 Squadron from 1987 to 1988 and the Commanding Officer of No. 9 Squadron from 1988 to 1990.
c. Colonel Ahmad Ridzwan Salleh RMAF (Rtd), one of the pioneers and Commanding Officer of No. 6 Squadron from 1985 to 1987.
d. Colonel Mohd Alwi Abdul Wahab RMAF (Rtd), who served as a Project Test Pilot and Commanding Officer of No. 6 Squadron from 1989 to 1990.
e. Colonel Dato' Selamat Bakin RMAF (Rtd), a Skyhawk Engineering Officer who was also a Project Test Engineer.
f. Lieutenant Colonel Looi Kiat Hin RMAF (Rtd) served as the Commanding Officer of No. 6 Squadron from 1990 to 1992.
g. Colonel Ramly bin Ajir RMAF (Rtd), the Senior EO ASF Kuantan from 1990 to 1992.

h. Captain Eric Charles Manuel RMAF (Rtd), an Armament Officer at Kuantan Air Base from 1984 to 1988 and was among the officers who were responsible for establishing the A-4PTM Skyhawk Technical School at PU Kuantan in 1985.
i. Warrant Officer Class I K. Kulasingam (Rtd), served as a Skyhawk pioneer and an armourer from 1984 to 1995.
j. Lance Corporal Huthama Pithiran Suppiah was the Skyhawk Squadron Engine Man. He served with Skyhawk from 1985 to 1990 before joining Malaysia Airlines. He has also given many of his own collections, making him one of the many contributors to the publication of this book.

Also present at this event were the Chief of the Malaysian Armed Forces, General Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang RMAF; Former Chief of the Air Force, Tan Sri Nik Ismail bin Nik Mohamed RMAF (Rtd); Air Support Commander, Lieutenant General Dato' Indera Muhamad Norazlan bin Aris RMAF; RMAF senior officers, together with the A-4PTM Skyhawk aircraft alumni, which made this event a nostalgic one.

Source: Royal Malaysian Air Forc

# JHEV ATM LAKSANA PROGRAM GOTONG-ROYONG BERSIH RUMAH VETERAN



KUALA LUMPUR, 15 Februari 2022 - Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Selangor & W.P Kuala Lumpur, Kdr Azman bin Yusoff TLDM dan staf telah bersama-sama Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan telah melaksanakan program gotong-royong bagi membersihkan rumah veteran Ahmad bin Abdul Rahman di alamat No 57, Jalan Mewah 3, Bandar Tun Razak, Cheras, 56100 Kuala Lumpur.

Agensi yang terlibat bagi melaksanakan program ini adalah daripada JKM, JHEV ATM, Wakil Pejabat Parlimen Bandar Tun Razak, DBKL, PAWE Bandar Tun Razak dan Pejabat Persatuan Veteran ATM Cawangan Kuala Lumpur. Program ini bermula pada pukul 8 pagi sehingga 5 petang.

Veteran terlantar menghidap penyakit kencing manis yang serius (potong kaki sebelah kiri) dan darah tinggi. Manakala, isteri veteran mempunyai masalah penglihatan (mata tidak nampak).

Veteran dan isteri tinggal di sebuah milik sendiri bersama seorang anak lelaki(duda). Veteran mempunyai 3 orang anak, namun 2 orang anak yang lain telah 5 tahun tidak menziarahinya. Kehidupan seharian veteran sekeluarga banyak dibantu oleh jiran tetangga terutamanya apabila anak lelaki veteran keluar bekerja termasuk pada hujung minggu.

Pihak JHEV ATM telah menyampaikan sumbangan katil dan tilam spesifikasi hospital dan kerusi roda kepada veteran manakala Persatuan veteran ATM Cawangan Kuala Lumpur telah menyumbangkan tilam bagi kegunaan isteri veteran.

Sumber : Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM

************************************************************************************************************

## MAF VETERAN AFFAIRS DEPARTMENT EXECUTE GOTONG-ROYONG PROGRAMME CLEAN VETERANS HOUSE

KUALA LUMPUR, February 15 2022 – Director of MAF Veteran Affairs Department Selangor & W.P Kuala Lumpur Branch, Cmdr. Azman bin Yusoff RMN and staff together with Department of Social Welfare Wilayah Persekutuan executed the gotong-royong programme to clean veteran, Ahmad bin Abdul Rahman's house addressed No 57, Jalan Mewah 3, Bandar Tun Razak, Cheras, 56100 Kuala Lumpur.

The agencies involved to execute this programme is from Department of Social Welfare, MAF Veteran Affairs Department (JHEV), Bandar Tun Razak Parliament Office Representative, Kuala Lumpur City Hall (DBKL), Bandar Tun Razak Senior Citizens Activity Centre (PAWE) and MAF Veteran's Association Kuala Lumpur Branch. This programme starts at 8 in the morning until 5 in the afternoon.

Bedridden veteran suffering from severe diabetes (amputated left leg) and high blood pressure. Meanwhile, the veteran's wife has vision problems (cannot see).

Veteran and wife lives in their own property with their son (widow). The veteran has 3 children, but 2 of them did not visit him for 5 years. The veteran and family's daily life are assisted by neighbours especially when the veteran's son went out to work including during the weekends.

The MAF Veteran Affairs Department (JHEV) party delivered a donation of hospital specification bed and mattress as well as wheelchair to veteran meanwhile MAF Veteran's Association Kuala Lumpur Branch donated mattress for veteran wife's use.

Source: MAF Veteran Affairs Department (JHEV)

# MAJLIS PENYAMPAIAN SAYAP PENERBANGAN KURSUS ASAS PENERBANGAN HELIKOPTER SIRI 62/21



KUALA LUMPUR, 15 Februari 2022 - Majlis Penyampaian Sayap Penerbangan bagi Kursus Asas Penerbangan Helikopter Siri 62/21 (Siri Khas) telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM di Eagle Nest, Markas Tentera Udara.

Majlis yang dikoordinasi oleh Kolej Tentera Udara bersama Institut Penerbangan 2 (INSPEN 2), Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan Udara serta Sekretariat Markas Tentera Udara dilaksanakan secara norma baharu berikutan endemik Covid-19 dan tanpa kehadiran keluarga pelatih.

Kursus Asas Penerbangan Helikopter atau Basic Helicopter Flying Course (BHFC) Siri 62/21 merupakan siri khas kerana hanya terdiri daripada perkhidmatan Tentera Darat Malaysia (TDM) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Kursus ini merupakan fasa asas penerbangan untuk pelatih helikopter yang telah berjaya dilaksanakan di INSPEN 2, Kolej Tentera Udara, Alor Setar, Kedah. Kursus siri khas ini bermula dengan seramai lapan orang pelatih yang terdiri daripada empat pegawai TDM dan empat pegawai TLDM. Kesemua pelatih telah berjaya menamatkan Kursus Ilmu Penerbangan Asas (KIPA) di INSPEN 1 kemudian meneruskan Kursus Asas Penerbangan Helikopter di INSPEN 2 mulai 4 Januari 2021 menggunakan pesawat Eurocopter EC 120B Colibri.

Setelah mengharungi segala cabaran dan rintangan selama 1 tahun 2 bulan, tujuh pelatih telah berjaya menamatkan latihan dengan cemerlang pada 26 Januari 2022 dan melayakkan mereka untuk dianugerahkan sayap penerbangan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Ketujuh-tujuh pelatih Kursus Asas Penerbangan Helikopter Siri 62/21 (Siri Khas) ialah:

1. Kapten Dzariq Iskandar bin Dzafrul Akhtar
2. Kapten Muhammad Farris Syaza bin Zamri
3. Kapten Mohd Amirul Asyraf Firdaus bin Mohd Azmi
4. Kapten Tan Eu Jing
5. Leftenan Mohd Nur Amin bin Saleh TLDM
6. Leftenan Mohamad Hanafie bin Mohd Yasir TLDM
7. Leftenan Mohamad Taufik bin Mokhtar TLDM

Kapten Muhammad Farris Syaza bin Zamri telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Pelatih Penerbangan Helikopter Terbaik. Anak kelahiran dari Bukit Mertajam, Pulau Pinang itu telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam mengendalikan pesawat EC 120 B di sepanjang latihan dan menepati kriteria untuk melayakkan beliau menerima “Piala Nuri”.

Manakala Anugerah Pelatih Akademik Terbaik pula disandang oleh Leftenan Mohamad Hanafie bin Mohd Yasir TLDM. Berasal dari Muar, Johor, beliau dianugerahkan “Piala Panglima Pendidikan dan Latihan Udara” berdasarkan pencapaian keputusan terbaik dalam bidang akademik serta atas sikap gigih serta dedikasi yang dipamerkan sepanjang latihan.

Turut hadir di majlis tersebut Panglima Bantuan Udara, Leftenan Jeneral Dato’ Indera Muhamad Norazlan bin Aris TUDM; Panglima Pendidikan dan Latihan Udara, Mejar Jeneral Dato’ Mohd Shahada bin Ismail TUDM; Komandan Kolej Tentera Udara, Brigedier Jeneral Ramli bin Mohd Abd Jabar TUDM; Pegawai Memerintah INSPEN 2, Mejar Khairul Anuar bin Addeli TUDM serta pegawai-pegawai kanan TUDM. Pengarah PUTD, Brigedier Jeneral Yazid bin Yusuf dan Ketua Staf Markas Udara TLDM, Kepten Ruzman bin Mat TLDM masing-masing mewakili TDM dan TLDM.

Sumber : Tentera Laut Diraja Malaysia

*********************************************************************************************************

# PILOT WING PRESENTATION CEREMONY OF BASIC HELICOPTER FLYING COURSE SERIES 62/21

KUALA LUMPUR, February 15, 2022 – The Chief of the Air Force, General Tan Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad RMAF, has inaugurated the Pilot Wing Presentation Ceremony for the Basic Helicopter Flying Course Series 62/21 (Special Series) at Eagle Nest, Air Force Headquarters.

This event was coordinated by the Air Force College, in collaboration with the Institute of Aviation 2 (INSPEN 2), Air Educations and Training Command Headquarters, and the Air Force Secretariat Headquarters. It was implemented in accordance with the new standards, along with no physical presence of trainees' families, following the COVID-19 outbreak in our country.

This Basic Helicopter Flying Course (BHFC) Series 62/21 is a special series because it includes two out of three services under the MAF, which are the Malaysian Army and the Royal Malaysian Navy.

This is a basic flight training course for helicopter trainees that has been successfully executed at INSPEN 2, Air Force College, Alor Setar, Kedah. It is a unique series of training involving eight trainees, consisting of four Malaysian Army officers and four RMN officers. Currently, all trainees have completed Kursus Ilmu Penerbangan Asas (KIPA) at INSPEN 1 and will soon begin the Basic Helicopter Flight Course at INSPEN 2 on January 4, 2021, using Eurocopter EC 120B Colibri aircraft.

After 1 year and 2 months of hard work and hurdles, seven trainees successfully completed the training on January 26, 2022, qualifying them to be awarded the RMAF flight wing.

The seven Basic Helicopter Flight Course Series 62/21 (Special Series) trainees are:

1. Captain Dzariq Iskandar bin Dzafrul Akhtar
2. Captain Muhammad Farris Syaza bin Zamri
3. Captain Mohd Amirul Asyraf Firdaus bin Mohd Azmi
4. Captain Tan Eu Jing
5. Lieutenant Mohd Nur Amin bin Saleh RMN
6. Lieutenant Mohamad Hanafie bin Mohd Yasir RMN
7. Lieutenant Mohamad Taufik bin Mokhtar RMN

Captain Muhammad Farris Syaza bin Zamri, a Penang native from Bukit Mertajam, was named Best Helicopter Flight Trainer. He has exhibited remarkable performance in operating the EC 120 B aircraft throughout his training, earning him the "Piala Nuri" award.

Meanwhile, Lieutenant Mohamad Hanafie bin Mohd Yasir RMN received the Best Academic Trainee Award. Muar-born Lieutenant Mohamad Hanafie RMN was awarded the "Piala

Panglima Pendidikan dan Latihan Udara" for achieving the highest academic performance as well as for his persistence and dedication during his training.

Also present at the ceremony were the Air Support Commander, Lieutenant General Dato' Indera Muhamad Norazlan bin Aris RMAF; Air Educations and Training Commander, Major General Dato' Mohd Shahada bin Ismail RMAF; Air Force College Commander, Brigadier General Ramli bin Mohd Abd Jabar RMAF; INSPEN 2 Commanding Officer, Major Khairul Anuar bin Addeli RMAF; RMAF senior officers, together with the Head of PUTD, Brigadier General Yazid bin Yusuf; and Chief of Staff of the RMN Air Wing Headquarters, Captain Ruzman bin Mat RMN, both of whom represented the Malaysian Army and RMN, respectively.

Source: Royal Malaysian Navy

# GRADUAN TUNGGAL PEGAWAI KANAN TUDM BERJAYA RANGKUL TEMPAT KETIGA GRADUAN TERBAIK




CHERAS, 16 Februari 2022- Seorang pegawai Kanan TUDM telah berjaya merangkul tempat ketiga sebagai graduan terbaik daripada 172 graduan yang berjaya menamatkan pengajian program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Kepolisan), Diploma Siswazah Sains Kepolisan (DSSK) dan Diploma Eksekutif Sains Siasatan (DESS).

Lt Kol Ahmad Sanusi bin Ali TUDM telah menerima Anugerah Dekan pada setiap semester secara berturut-turut selama tiga semester melalui kecemerlangan keputusan PNGK 3.98 diperolehinya bagi program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Kepolisan) bagi sesi pengajian 2019-2021.

Penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh Ketua Polis Negara, IG Tan Sri Acryl Sani Hj. Abdullah Sani.

Beliau telah terpilih sebagai graduan ketiga terbaik diatas kesungguhan, kerjasama dan komitmen yang tinggi dalam pengajian dan aktiviti-aktiviti sepanjang tempoh pembelajaran yang dianjurkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Maktab Polis Diraja Malaysia, Kuala Lumpur.

Kesemua 172 graduan program kerjasama Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sesi 2018/2020 serta 2019/2021 telah diraikan dalam majlis penutupan yang berlangsung di Dewan Sultan Hj. Ahmad Shah, Maktab PDRM Kuala Lumpur.

Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik) UM, Profesor Dr. Yatimah Alias; wakil Naib Canselor UKM, Profesor Madya Dr. Novel Lyndon serta Ketua Cawangan Latihan Pertahanan, Markas ATM, Bahagian Operasi dan Latihan Pertahanan, Brigedier Jeneral Hjh. Fadzilah binti Hj. Abdullah TUDM.

Sekalung tahniah dan syabas kepada Lt Kol Ahmad Sanusi bin Ali TUDM serta graduan-graduan ATM dan PDRM yang telah berjaya menamatkan pengajian dengan cemerlang bagi sesi 2018/2020 dan 2019/2021. Semoga kejayaan yang diraih menjadi pembakar semangat kepada pegawai yang lain untuk mencipta kejayaan demi kecemerlangan organisasi dan diri sendiri.

Beliau menggalas tanggungjawab sebagai Pegawai Staf 1 Perundangan di Markas TUDM-Bahagian Operasi & Strategi, Wisma Pertahanan, Kuala Lumpur.

Pada ketika ini, beliau juga sedang menyambung pengajian di peringkat Sarjana Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Undang-undang Kemanusian Antarabangsa (IHL) di Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia dan di jangka akan menamatkan pengajian beliau pada tahun 2024.

Sumber : Tentera Udara Diraja Malaysia

****************************************************************************************************************

## SOLE GRADUATE OF RMAF SENIOR OFFICER GRADUATED THIRD AMONG GRADUANDS

CHERAS, February 16, 2022 – The sole graduate of Royal Malaysian Air Force (RMAF) senior officer has graduated in third place among the 172 graduates, who have successfully completed their studies in Master of Social Science (Police Studies), Graduate Diploma in Police Science (DSSK) and Executive Diploma in Investigative Science (DESS).

Lieutenant Colonel Ahmad Sanusi bin Ali RMAF has received the Dean’s List Award in each consecutive semester (three semesters) with a CGPA of 3.98 in a Bachelor of Social Science (Police Studies) 2019-2021 session.

This award ceremony was presented by Inspector-General of Police (IGP), Tan Sri Acryl Sani Hj. Abdullah Sani.

He was named the third best graduate for his dedication, cooperation, and constant commitment to his studies and activities organised by Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) and the Royal Malaysian Police (PDRM) College in Kuala Lumpur throughout his years of study.

All 172 graduates for the 2018/2020 and 2019/2021 sessions of the Universiti Malaya (UM) and UKM collaboration programme were celebrated in the closing ceremony, which took place at Dewan Sultan Hj. Ahmad Shah, Royal Malaysian Police (PDRM) College, Kuala Lumpur.

Also present were the Deputy Vice-Chancellor (Academic) of UM, Professor Dr. Yatimah Alias; representative of Deputy Vice-Chancellor of UKM, Associate Professor Dr. Novel Lyndon, as well as Head of Defence Training, Malaysian Armed Forces Headquarters, Defence Operations and Training Division, Brigadier General Hjh. Fadzilah binti Hj. Abdullah RMAF.

We would like to extend our heartfelt congratulations to Lieutenant Colonel Ahmad Sanusi bin Ali RMAF, as well as the ATM and PDRM graduates who have successfully completed their studies for the 2018/2020 and 2019/2021 sessions. Let the success attained become a source of motivation, paving the way for them to succeed and make both the organisation and themselves proud.

He is now attached to the RMAF Headquarters-Operations & Strategy Division, Wisma Pertahanan, Kuala Lumpur, as a Legal Staff Officer 1.

Currently, he is pursuing a Master of Philosophy (PhD) in International Humanitarian Law (IHL) at the Faculty of Law, Universiti Kebangsaan Malaysia and is expected to graduate in 2024.

Source: Royal Malaysian Air Force

# PANGLIMA ANGKATAN TENTERA TERIMA ANUGERAH KETENTERAAN TERTINGGI



SINGAPURA, 16 Februari 2022 – Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM telah hadir ke Upacara Penganugerahan Darjah bagi menerima anugerah ketenteraan tertinggi Singapura, iaitu Darjah Utama Bakti Cemerlang (Tentera) yang disampaikan oleh Presiden Singapura, Mdm Halimah Yacob bertempat di Istana Singapura, hari ini.

Penganugerahan ini adalah bagi mengiktiraf sumbangan besar beliau dalam aspek pengukuhan hubungan diplomasi pertahanan antara kedua-dua Angkatan Tentera Malaysia dengan Singapura yang terus berkembang dari masa ke masa menerusi kepelbagaian aktiviti latihan ketenteraan dua hala seperti Eksesais Malapura, Eksesais SEMANGAT BERSATU, dan Eksesais SAREX MALSING disamping beberapa perlaksanaan program lawatan peringkat tinggi, program tukaran pegawai dan penganjuran kursus kepakaran.

Terdahulu, Panglima Angkatan Tentera telah menerima Kawalan Kehormatan Utama di Kementerian Pertahanan Singapura sebelum mengadakan sesi kunjungan hormat ke atas rakan sejawat beliau iaitu Lieutenant-General Melvyn Ong, Chief of Defence Force, Singapore Armed Forces dan seterusnya kunjungan hormat ke atas Menteri Pertahanan Singapura iaitu Dr Ng Eng Hen. Kunjungan ini adalah bertujuan untuk memperkukuh hubungan pertahanan dua hala yang sekian lama terjalin antara Malaysia dan Singapura di samping membincangkan kerjasama dalam mendepani cabaran keselamatan bersama di rantau ini.

Usai penerimaan anugerah tersebut, Panglima Angkatan Tentera telah mengadakan Kunjungan Hormat ke atas Perdana Menteri Singapura, Mr Lee Hsien Loong di Istana Singapura bagi mengesahkan lagi hubungan pertahanan yang kukuh serta melahirkan komitmen yang tinggi terhadap usaha dalam mempertingkatkan lagi kerjasama pertahanan dua hala.

Dalam rangka program beliau di Singapura, Panglima Angkatan Tentera turut berkesempatan mengunjungi beberapa booth pameran pertahanan yang diadakan bersempena Pertunjukan Udara Singapura 2022 yang berlangsung di Pusat Pameran Changi.

Turut bersama beliau dalam menghadiri Upacara Penganugerahan Darjah tersebut adalah Isteri merangkap Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT ATM, Yang Amat Mulia Tengku Puteri Seri Teja Puan Sri Hajjah Tengku Muhaini binti Almarhum Sultan Hj Ahmad Shah.

Sumber : Angkatan Tentera Malaysia

****************************************************************************************************

## MALAYSIAN ARMED FORCES CHIEF CONFERRED SINGAPORE'S HIGHEST MILITARY AWARD

SINGAPORE, February 16, 2022 – The Chief of the Malaysian Armed Forces (MAF), General Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi Buang RMAF, was conferred Singapore's highest military award, the Distinguished Service Order (Military), by President Halimah Yacob at the Istana Singapura, here today.

The award was conferred for his significant contributions towards enhancing defence cooperation between the Armed Forces of both nations through various bilateral military exercises such as Exercise Malapura, Exercise SEMANGAT BERSATU, Exercise SAREX MALSING, along with several official visits, military personnel exchange programmes, and joint professional military courses.

Earlier, the Chief of the MAF inspected a guard of honour and called on his counterpart, the Chief of Defence Force, Singapore Armed Forces, Lieutenant-General Melvyn Ong, as well as their Defence Minister, Dr Ng Eng Hen, at the Ministry of Defence, Singapore. The visits aim to reaffirm the long-standing bilateral defence relations between Malaysia and Singapore, along with discussing both countries' responses to common regional security challenges.

After the ceremony, General Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi Buang also called on Singapore Prime Minister Lee Hsien Loong at the Istana to strengthen defence relations and demonstrate a strong commitment to bilateral defence cooperation between the nations.

During his working visit to Singapore, he also had the opportunity to visit defence exhibition booths in conjunction with the Singapore Air Show 2022 at Changi Exhibition Centre.

Together with the MAF Chief was his wife and the Chairperson of the MAF BAKAT Supreme Council, Tengku Puteri Seri Teja Puan Sri Hajjah Tengku Muhaini binti Almarhum Sultan Hj Ahmad Shah.

Source: Malaysian Armed Forces

# ATM TERIMA PINGAT PERTUBUHAN NEGARA BANGSA-BANGSA BERSATU (PNBB)




KUANTAN, 16 Februari 2022- Panglima Angkatan Bersama, Lt Jen Dato' Indera Hj Yazid bin Hj Arshad TUDM telah menyempurnakan pemakaian Majlis Pingat Pertubuhan Negara Bangsa-Bangsa Bersatu (PNBB) di Markas Angkatan Bersama, Kuantan.

Pemakaian pingat PNBB ini dianugerahkan kepada Pegawai Pemerhati Tentera (PPT) dan Pegawai Staf Tentera (PST) yang berjaya melaksanakan dan menamatkan misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) selama setahun di negara-negara di bawah misi pengaman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Seramai sembilan (9) orang pegawai dan dua (2) anggota lain-lain pangkat (LLP) dari Angkatan Tentera Malaysia terdiri daripada lima (5) dari Tentera Darat, dua (2) dari Tentera Laut Diraja Malaysia dan empat (4) dari Tentera Udara Diraja Malaysia telah menerima pingat PNBB.

*************************************************************************************************************

# MAF RECEIVES THE UNITED NATIONS MEDAL

KUANTAN, February 16, 2022 – The Commander of the Joint Forces, Lieutenant General Dato' Indera Hj Yazid bin Hj Arshad RMAF, has presented the pinning of the United Nations Medal to the involved personnel at the Joint Forces Headquarters, Kuantan.

The PNBB medal was awarded to Military Observer (PPT) and Staff Officers (PST) who completed a one-year United Nations (UN) mission in countries under the United Nations peacekeeping mission.

A total of nine (9) officers and two (2) members of other ranks (LLP) from the Malaysian Armed Forces have been awarded, comprising five (5) from the Malaysian Army, two (2) from the Royal Malaysian Navy and four (4) personnel from the Royal Malaysian Air Force.

# PTD SANTUNI IBU KEPADA STAF PTD YANG TELAH MENINGGAL DUNIA, ALLAHYARHAM KOPERAL MUHAMMAD HAKIMI BIN MOHAMAD KHIR



KUALA MUDA, 17 Februari 2022 – Panglima Tentera Darat (PTD), Jeneral Tan Sri Dato' Seri Zamrose bin Mohd Zain telah mengadakan lawatan kebajikan terhadap ibu kepada staf Panglima Tentera Darat yang telah meninggal dunia, Allahyarham Koperal Muhammad Hakimi bin Mohamad Khir pada hari ini.

Ibu Allahyarham Koperal Muhammad Hakimi bin Mohamad Khir iaitu Maneh binti Awang, 62 telah menghidapi penyakit strok yang mengakibatkan bahagian belah kanan badan tidak dapat berfungsi dengan baik. Beliau kini mendapatkan rawatan susulan serta ubat-ubatan di Hospital Sungai Petani dan Hospital Kepala Batas.

Ibu Allahyarham anggota yang telah disantuni oleh Tan Sri PTD telah menerima sumbangan berbentuk hamper, sumbangan peribadi serta sumbangan Tabung Kebajikan Tentera Darat bagi meringankan beban yang ditanggung oleh mereka.

Siri lawatan kebajikan sebegini adalah bertepatan dengan Tonggak Ketiga Perintah Ulung PTD iaitu "Pelestarian Kesejahteraan Warga". Lawatan kebajikan ini akan terus dilaksanakan bertujuan memantau kebajikan warga Tentera Darat Malaysia agar sentiasa terjamin.

Sumber : Tentera Darat Malaysia

**********************************************************************************************************

# CHIEF OF ARMY VISIT MOTHER TO CHIEF OF ARMY'S STAFF WHO PASSED AWAY, LATE CORPORAL MUHAMMAD HAKIMI BIN MOHAMAD KHIR

KUALA MUDA, February 17 2022 – Chief of Army, General Tan Sri Dato' Seri Zamrose bin Mohd Zain had a welfare visit to the mother of Chief of Army's staff who passed away, Late Corporal Muhammad Hakimi bin Mohamad Khir today.

Mother of the Late Corporal Muhammad Hakimi bin Mohamad Khir which is Maneh binti Awang, 62 suffered from stroke causing her right body not functioning well. She is now getting follow-up treatment and medicines at Sungai Petani Hospital and Kepala Batas Hospital.

The late member's mother who was visited by Tan Sri Chief of Army has received donations like hamper, private donation as well as Welfare Army Fund to lessen their burden.

These series of welfare visits is in accordance with the Third Pillar of the Chief of Army Superior Order which is "Preservation of Personnel Welfare" This welfare visit will continue to be accomplished aimed to monitor the Malaysian Army members' welfare so it is always assured.

Source: Malaysian Army

# EAGLE EYE 25 METER SHOOTING RANGE KEM TUN RAZAK, TINGKAT KEMAHIRAN MENEMBAK WARGA DIVISYEN KEDUA INFANTRI



BAYAN LEPAS, 17 Februari 2022 - Panglima Tentera Darat (PTD), Jeneral Tan Sri Dato' Seri Zamrose bin Mohd Zain telah menyempurnakan Majlis Perasmian Eagle Eye 25 Meter Shooting Range Kem Tun Razak berlangsung di Bangunan Eagle Eye 25 Meter Shooting Range Kem Tun Razak pada hari ini.

Eagle Eye 25 Meter Shooting Range adalah satu kemudahan indoor yang digunakan untuk melatih dan memahirkan individu dalam penggunaan pistol khasnya bagi formasi/pasukan di bawah naungan Divisyen Kedua Infantri (2 Divisyen).

Pembinaan lapang sasar tertutup ini direka untuk berupaya menahan projektil senjata pistol jenis 9mm Glock, 9mm P9S dan mana-mana pistol perkhidmatan yang diluluskan sahaja.

Acara diteruskan lagi dengan Acara Menembak Pegawai-Pegawai Kanan bersama Tan Sri PTD. Acara tersebut bertujuan untuk meningkatkan kemahiran menembak pistol di samping memupuk semangat berpasukan dalam kalangan para penembak serta peluang berinteraksi bersama Tan Sri PTD.

Sesungguhnya usaha sebegini adalah sejajar dengan Tonggak Kedua Perintah Ulung PTD Ke-28 iaitu “Keutuhan Organisasi” yang menekankan kompetensi warga dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam bidang ketenteraan dan bidang professional.

Sumber : Tentera Darat Malaysia

****************************************************************************************************

## TUN RAZAK CAMP SHOOTING RANGE, EFFORT TO ENHANCE SHOOTING SKILLS OF SECOND DIVISION MEMBERS

BAYAN LEPAS, February 17, 2022 – The Chief of the Malaysian Army (PTD), General Tan Sri Dato' Seri Zamrose bin Mohd Zain attended the Inauguration Ceremony of the Eagle Eye 25 Metre Shooting Range of Tun Razak Camp at the Eagle Eye 25 Metre Shooting Range Building, here today.

The Eagle Eye 25 Metre Shooting Range is an indoor facility intended to train and master the use of handguns, particularly for formations or teams under the command of the 2nd Infantry Division (2nd Division).

This indoor shooting range is designed to be able to withstand 9mm Glock, 9mm P9S and any handguns issued by the military.

The event was followed by the senior officers' shooting session together with the Chief of Army. It aims to enhance their shooting skills, foster team spirit among them, and provide an opportunity for the personnel to interact with their leader.

Indeed, such efforts are in line with the second pillar of the 28th Chief of Army Superior Order, namely "Organizational Competencies," which emphasizes the competency of its members, skills and attitudes in both military and professional aspects.

Source: Malaysian Army

# PROGRAM CAKNA VETERAN ATM




KLUANG, 19 Februari 2022 - YB Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz telah menyempurnakan penyerahan sumbangan kepada Veteran ATM sempena program Cakna Veteran ATM yang merupakan salah satu program yang dirancangkan dalam memastikan agenda kebajikan Veteran ATM dan tanggungannya sentiasa diutamakan.

Antara veteran yang telah dilawati adalah seperti berikut;

1. Encik Sandran A/L Sinnasamy yang berumur 63 Tahun dan tinggal di No 37, Jalan Pelangi 16, Taman Pelangi, 86000, Kluang, Johor.
Beliau mengalami masalah penglihatan dan dan kaki sakit akibat kemalangan jalan raya.

2. Encik Ab Razak bin Atan yang berumur 56 Tahun dan tinggal di
No 19, Jalan Pelangi 23, Taman Pelangi, 86000 Kluang,
Johor.

Veteran yang mengalami lumpuh dan hanya terlantar.

3. Encik Yusof bin Md Noor yang berumur 67 Tahun dan tinggal di No 38, Jalan Kundang 7, Taman Murni,
86000, Kluang.

Kedua kaki beliau kudung dan isterinya juga uzur serta jari kaki kanan dipotong akibat diabetis.

Sumber : Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM

****************************************************************************************************

## “CAKNA VETERAN ATM” PROGRAMME

KLUANG, February 19 2022 - YB Deputy Defence Minister, Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz completed the donation presentation to MAF Veteran in conjunction with “Cakna Veteran ATM” programme which is one of the programmes that is planned in ensuring the MAF Veteran and their dependant’s welfare agenda are always prioritize.

Among the veteran visited are as follow:
1. Mr. Sandran A/L Sinnasamy aged 63 years old and lives at No 37, Jalan Pelangi 16, Taman Pelangi, 86000, Kluang, Johor.
He has vision problems and leg pains due to road accidents.
2. Mr. Ab Razak bin Atan aged 56 years old and lives at No 19, Jalan Pelangi 23, Taman Pelangi, 86000 Kluang, Johor.
A paralyse veteran and bedridden.
3. Mr. Yusof bin Md Noor aged 67 years old and lives at No 38, Jalan Kundang 7, Taman Murni, 86000, Kluang.
Both his legs are crippled and his wife is also decrepit and a toe on her right leg is amputated due to diabetes.

Source: MAF Veteran Affairs Department (JHEV)

# TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN SANTUNI VETERAN ATM DI KLUANG



KLUANG, 20 Februari 2022 - YB Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz telah menyempurnakan penyerahan sumbangan kepada Veteran ATM sempena program Cakna Veteran ATM yang merupakan salah satu program yang dirancangkan dalam memastikan agenda kebajikan Veteran ATM dan tanggungannya sentiasa diutamakan.

Antara veteran yang telah dilawati adalah seperti berikut;

1. Encik Rusli bin Mohd yusoff yang berusia 74 tahun
- Beliau merupakan OKU fizikal di mana kaki kanan beliau dimasukkan besi akibat kemalangan jalan raya yang menyebabkan kaki kanan patah daripada tulang betis, tempurung lutut hingga ke tulang paha.
Veteran tinggal bersama isteri (Siti Aishah bt Mohd Zainal yang berusia 68 tahun dan seorang anak lelaki bujang (Mohd Sufian-29 tahun)
Mempunyai 4 orang anak:1- Lelaki (KL, pejabat MARA). Berkahwin.
2- Perempuan (KL, surirumah). Berkahwin.
3- Perempuan (KL, pejabat peguam). Bujang.
4- Lelaki (tinggal bersama, Mohd Sufian). Bujang.

Sumber : Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM

****************************************************************************************************

## DEPUTY DEFENCE MINISTER VISIT MAF VETERAN IN KLUANG

KLUANG, February 20 2022 – YB Deputy Defence Minister, Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz completed the donation presentation to MAF Veteran in conjunction with “Cakna Veteran ATM” programme which is one of the programmes that is planned in ensuring the MAF Veteran and their dependant’s welfare agenda are always prioritize.

Among the veteran visited are as follow:

1. Mr. Rusli bin Mohd Yusoff aged 74 years old
- He is a physically disable person where an iron was inserted into his right leg due to road accidents that caused his right leg to break from his fibula, kneecap until his thigh-bone.
The Veteran lives with his wife (Siti Aishah bt Mohd Zainal aged 68 years old and a bachelor son (Mohd Sufian-29 years old)
Has 4 sons: 1- Male (KL, Mara Office). Married.
2- Female (KL, Housewife). Married.
3- Female (KL, Law Office). Bachelor.
4- Male (living together, Mohd Sufian). Bachelor.

Source: MAF Veteran Affairs Department (JHEV)

# KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTAHANAN RAI PETUGAS AKM DAN SUKARELAWAN PASCA BANJIR MINDEF




KUALA LUMPUR, 21 Febuari 2022 - Ketua Setiausaha, YBhg. Dato’ Sri Muez bin Abd Aziz telah menghadiri Majlis Penghargaan Kepada Petugas Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) dan Sukarelawan Pasca Banjir Mindef bertempat di Dewan Seroja Kementerian Pertahanan.

Majlis ringkas ini dibuat bagi menghargai petugas-petugas warga Kementerian Pertahanan dalam menjalankan tugas yang diberi kepada mereka.

Syabas diucapkan di atas komitmen yang tinggi tanpa mengira penat lelah melaksanakan tugas.

*****************************************************************************************************************

# DEFENCE MINISTRY SECRETARY GENERAL CELEBRATES AKM TEAMS AND MINDEF FLOOD RELIEF VOLUNTEERS

Kuala Lumpur, February 21, 2022 – The Defence Ministry Secretary General, Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, attended the Appreciation Ceremony, which was held to celebrate the teams and volunteers who were involved in previous events, namely the Malaysian Family Aspirations (AKM) programme and MinDef Post-Flood Mission at Dewan Seroja, Ministry of Defence.

This brief ceremony aims to honour the members of the Defence Ministry who have carried out the tasks and responsibilities assigned to them.

The commitment and dedication of every party in performing the tasks is highly commended.

# KEUPAYAAN MOBILITI KOR POLIS TENTERA DIRAJA DIPERTINGKATKAN




KUALA LUMPUR, 21 Februari 2022 - Panglima Tentera Darat (PTD), Jeneral Tan Sri Dato' Seri Zamrose bin Mohd Zain telah merasmikan Acara Penyerahan Motosikal Penguatkuasa Kor Polis Tentera Diraja (KPTD) bertempat di Foyer Wisma Perwira Tentera Darat, Kem Perdana Sungai Besi.

Untuk rekod, 10 buah motosikal Honda ST 1300 cc ini merupakan perolehan Rolling Plan 4 Tentera Darat dalam RMK ke-11. Perolehan ini akan meningkatkan mobiliti Tentera Darat amnya dan Kor Polis Tentera Diraja khasnya.

Tan Sri PTD telah menyerahkan replika kunci sebagai simbolik penyerahan rasmi Motosikal Penguatkuasa KPTD kepada Brig Jen Dato' Hj Mislan bin Anuar, Pengerusi KPTD. Perolehan ini seiring dengan Tonggak Pertama PTD ke-28 iaitu kelangsungan misi dan kesiagaan dengan memberi penekanan meningkatkan keupayaan mobiliti.

Sesungguhnya, usaha sebegini adalah sejajar dengan Tonggak Pertama Perintah Ulung PTD Ke-28 iaitu "Kelangsungan Misi dan Kesiagaan", yang menitikberatkan tahap kesiagaan penugasan warga TDM di tahap tertinggi sebilang masa.

Sumber: Kor Polis Tentera Diraja

*******************************************************************************************************

# MOBILITY CAPABILITIES OF THE ROYAL MILITARY POLICE CORPS ENHANCED

KUALA LUMPUR, February 21 2022 – Chief of Army (PTD), General Tan Sri Dato' Seri Zamrose bin Mohd Zain formalized the Royal Military Police Corps (KPTD) Enforcer Motorcycle Presentation Event held at Wisma Perwira Tentera Darat Foyer, Kem Perdana Sungai Besi.

For the record, 10 of these Honda ST 1300 cc motorcycles is a procurement of Army Rolling Plan 4 in the 11th RMK. This procurement will enhance the Army's mobility generally and Royal Military Police Corps specifically.

Tan Sri PTD delivered the key replica as a symbolic of formal presentation Royal Military Police Corps Enforcer Motorcycle to Brig Gen Dato' Hj Mislan bin Anuar, Royal Military Police Corps Chairman. This procurement is aligned with the First Pillar of the 28th Chief of Army which is mission viability and readiness with pressure given in enhancing the mobility capabilities.

Indeed, these efforts are aligned with the First Pillar of the 28th Chief of Army Superior Order namely "Mission Continuity and Readiness", where it emphasize the Malaysian Army members delegation level of readiness at the highest level every time.

Source: Royal Military Police Corps

# LAWATAN KERJA RASMI PANGLIMA TENTERA UDARA KE PANGKALAN UDARA KUANTAN DAN SEKOLAH LATIHAN TEMPUR TUDM (SLTT)




KUANTAN, 21 Februari 2022 - Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM telah mengakhiri siri lawatan kerja rasmi ke Pangkalan-pangkalan, Skuadron dan unit di Pangkalan Udara Kuantan dan Sekolah Latihan Tempur TUDM (SLTT) hari ini.

Lawatan rasmi ini juga disertai isteri Panglima Tentera Udara iaitu Puan Sri Norainy binti Shahar Alam selaku Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Udara (JTBU). Panglima Wilayah Udara 1 (PANGWILUD 1), Mej Jen Dato' Zahani bin Zainal Abidin TUDM bersama-sama Pemangku Komander Pangkalan, Kol Zulkefli bin Hj Samsu Hadi TUDM dan isteri, Puan Faesneza binti Mohd Zain sebagai Pemangku Pengerusi BAKAT Udara PU Kuantan serta kumpulan Eksekutif Pangkalan menyambut ketibaan Panglima Tentera Udara dan delegasi di Pergerakan Udara.

Sebaik tiba di Pangkalan Udara Kuantan, Panglima Tentera Udara dan delegasi menaiki helicopter EC 725 AP bagi memulakan lawatan ke Sekolah Latihan Tempur TUDM (SLTT).

Ketibaan beliau serta delegasi telah disambut oleh Pegawai Memerintah SLTT, Lt Kol Jafridin bin Bahari TUDM dan pegawai eksekutif SLTT. PTU telah menerima tabik hormat dan memeriksa kawalan kuarter serta membuat saringan suhu badan sebagai 'Standard

Operating Procedure' (SOP) langkah pencegahan Covid-19 bersama delegasi yang turut serta.

PTU dan delegasi telah melawat ke Skn 322 dan diberi taklimat tentang pengoperasian skuadron. Beliau meluangkan masa menyantuni warga SLTT dan Skuadron 322, bertemu dan memberikan nasihat serta kata-kata semangat.

Mengakhiri lawatan kerja rasmi di SLTT, PTU serta delegasi memperuntukkan masa bersama warga SLTT berpangkat Koperal Udara ke bawah di Dewan Sajian Ahli Udara serta bersama-sama makan tengah hari sebelum berlepas pulang ke PU Kuantan bagi meneruskan rangka lawatan rasmi beliau.

Setelah itu, Panglima Tentera Udara telah meneruskan lawatan kerja rasmi ke Markas Wilayah Udara 1 (MAWILUD 1) dan melihat perkembangan pengoperasian MAWILUD 1 serta turut meluangkan masa mengadakan sesi dialog bersama para pegawai dan anggota LLP.

Seterusnya, di No. 17 Skuadron, Panglima Tentera Udara telah diberi taklimat ringkas berkenaan sejarah pengoperasian pesawat pejuang MiG-29 dan meneruskan sesi lawatan melihat sudut galeri berkaitan pesawat berkenaan.

Beliau turut disajikan dengan melihat gambar-gambar kenangan pesawat serta juruterbang pesawat bagi mengimbau kembali kenangan beliau sebagai salah seorang juruterbang pesawat pejuang MiG-29 suatu ketika dahulu.

Di dalam rangka lawatan kerja ini juga, Panglima Tentera Udara melawat ke Blok Bujang Cawangan Operasi, Bomba dan juga Blok Bujang INSPRA bagi meninjau keadaan bangunan dan infrastruktur dalam proses penambahbaikan yang sedang dijalankan di blok penginapan anggota bujang LLP. Projek penambahbaikan ini adalah bagi memberikan keselesaan kepada para penghuninya.

Turut serta mengiringi Panglima Tentera Udara adalah Panglima Pendidikan dan Latihan Udara, Mej Jen Dato' Mohd Shahada bin Ismail TUDM; Asisten Ketua Staf Materiel, Mej Jen Dato' Zainal bin Abdul Manaf TUDM; Mantan Asisten Ketua Staf Kejuruteraan, Mej Jen Dato' Ir Razip bin A. Samad TUDM; Ketua Pengarah Sekretariat, Brig Jen Dato' Hanafiah bin Hj Abdul Manaf TUDM; Ketua Staf Operasi, Brig Jen Dato' Abdul Halim bin Abu Hassan TUDM; Panglima Rejimen TUDM, Brig Jen Meor Ahmad Kamal bin Hj Meor Termizi TUDM; Komander AWC, Kol Ahmad Edros bin Ahmad Osman TUDM serta Pegawai-pegawai Kanan TUDM.

Sumber : Tentera Udara Diraja Malaysia

*****************************************************************************************************

# OFFICIAL WORKING VISIT BY THE CHIEF OF THE AIR FORCE TO KUANTAN AIR BASE AND RMAF COMBAT TRAINING SCHOOL (SLTT)

KUANTAN, February 21, 2022 – The Chief of the Air Force, General Tan Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad RMAF, has concluded his series of official working visits to bases, squadrons and units at Kuantan Air Base and the RMAF Combat Training School (SLTT), here today.

This official visit was accompanied by Puan Sri Norainy binti Shahar Alam, wife of the Air Force Chief and the Chairperson of the Air Force BAKAT Supreme Council (JTBU); Air Region 1 Commander (PANGWILUD 1), Major General Dato' Zahani bin Zainal Abidin RMAF, together with the Acting Base Commander, Colonel Zulkefli bin Hj Samsu Hadi RMAF and his wife, Faesneza binti Mohd Zain as the Acting Chairperson of Air Force BAKAT, Kuantan Air Base and the Base Executive group. The base welcomed the arrival of the Air Force Chief and delegation at the Air Movement, Kuantan Air Base.

The Air Force Chief and the team boarded an EC 725 AP helicopter at Kuantan Air Base to begin their visit to the RMAF Combat Training School (SLTT).

Upon his arrival, they were welcomed by the SLTT Commanding Officer, Lt Colonel Jafridin bin Bahari RMAF, together with the SLTT executive officers. He also took the salute and inspected the military turn out, as well as performed temperature screening with the attending delegates as a Standard Operating Procedure (SOP) of COVID-19 preventative measures.

The Air Force Chief and his delegation visited Sqn 322 and were briefed on the operation of the squadron. He also had the opportunity to meet and motivate the SLTT and Squadron 322 members.

The Air Force Chief and his delegation concluded their working visit to SLTT by spending time with SLTT members from the rank of Corporal and lower at Sajian Ahli Udara Hall, as well as having their lunch before returning to Kuantan Air Base to continue their official visit.

Following that, the Air Force Chief resumed his working visit to the Air Region 1 Headquarters (MAWILUD 1), where he assessed the development of MAWILUD 1 operations along with having a dialogue session with officers and members of various ranks.

The Air Force Chief then was briefed on the history of the MiG-29 fighter aircraft's operations at No. 17 Squadron, before proceeding to visit the aircraft's gallery area.

He was also provided with old photographs of the aircraft and its pilots to jog his memory of his time as the pilot of the MiG-29 fighter aircraft.

The Chief of the Air Force visited the single residency block of the Operations and Fire Rescue Branch, as well as the single residency of INSPRA, as part of this working visit to review the

condition of the building and infrastructure in the process of improvement that is being carried out in the accommodation block of single members of other ranks personnel. The purpose of this renovation project is to make its residents more comfortable.

Also accompanying were the Commander of Air Educations and Training Command, Major General Dato' Mohd Shahada bin Ismail RMAF; Assistant Chief of Materiel Staff, Major General Dato' Zainal bin Abdul Manaf RMAF; Former Assistant Chief of Engineering Staff, Major General Dato' Ir Razip bin A. Samad RMAF; Director General of the Secretariat, Brigadier General Dato' Hanafiah bin Hj Abdul Manaf RMAF; Chief of Operations Staff, Brigadier General Dato' Abdul Halim bin Abu Hassan RMAF; RMAF Regiment Commander, Brigadier General Meor Ahmad Kamal bin Hj Meor Termizi RMAF; AWC Commander, Colonel Ahmad Edros bin Ahmad Osman RMAF; and Senior RMAF Officers.

Source: Royal Malaysian Air Force

# AMANAT TAHUN BAHARU 2022 KETUA SETIAUSAHA




KUALA LUMPUR, 22 Februari 2022 - Ketua Setiausaha, YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz telah menyampaikan Amanat Ketua Setiausaha Tahun 2022 di Wisma Perwira pagi ini.

Majlis ini telah dihadiri warga awam pertahanan yang terdiri daripada kakitangan dan pegawai kanan Kementerian Pertahanan.

Dalam ucapannya, Ketua Setiausaha telah menyatakan seperti mana tagline yang pernah beliau perkenalkan iaitu "together we do better", beliau berharap kesepaduan ini dapat diteruskan dalam tahun 2022 dalam memastikan keselamatan serta kedaulatan Negara sentiasa terpelihara.

Selain itu, Ketua Setiausaha, YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz turut menyatakan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga MINDEF dan ATM atas kerja keras sepanjang Tahun 2021.

Dengan harapan banyak perkara yang boleh dipelajari dari tahun lalu dan dijadikan sebagai panduan untuk sebarang penambahbaikan sepanjang Tahun 2022 ini demi kepentingan organisasi.

Di akhiri ucapannya, selaku sebuah Kementerian yang cakna terhadap kebajikan warga kerja yang ditimpa musibah, pihak Kementerian akan terus menyalurkan bantuan dalam

meringankan beban yang ditanggung oleh warga pertahanan dalam apa jua situasi yang berlaku. Beliau turut berharap, semua kakitangan Kementerian Pertahanan dapat meningkatkan kesefahaman, kesepakatan dan jati diri sebagai warga kerja pertahanan dalam merealisasikan setiap perancangan yang telah disusun rapi agar Kementerian Pertahanan kekal relevan serta effektif dalam memikul tanggungjawab menjaga Kedaulatan Negara.

Dalam majlis tersebut juga, Ketua Setiausaha turut menyampaikan Sijil Pencapaian 100% AIMS Tahun 2021 kepada 34 PTJ. Beliau juga turut melancarkan Sistem AIMS 3.0. Sebanyak 15 PTJ telah menerima Anugerah PTJ Terbaik Tahun 2022 daripada Ketua Setiausaha.

Hadir sama, Panglima-Panglima Perkhidmatan serta Pengurusan Tertinggi Kementerian Pertahanan.

****************************************************************************************************

## DEFENCE MINISTRY SECRETARY GENERAL UNVEILS NEW YEAR MANDATE

KUALA LUMPUR, February 22, 2022 – The Secretary General, Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, has unveiled the Mandate of Secretary General for the year 2022 here in Wisma Perwira this morning.

The ceremony was attended by the ministry's civil servants, consisting of the members and their senior officers.

In his address, he remarked on his previous tagline, "Together we do better," with the hope that this unity could be maintained in 2022 to protect the country's security and sovereignty at all times.

In addition, Dato' Sri Muez bin Abd Aziz also commended the members of the Defence Ministry and the Malaysian Armed Forces personnel for their hard work and contributions throughout 2021.

He also hoped that 2021 was the year of learning and 2022 would be the year of winning, which would benefit the organisation.

He concluded his address by emphasising that the ministry will always protect the welfare of its members impacted by disasters and will continue to aid the unfortunate, in order to lessen their burden through all trying times. He also hoped that all members would be able to enhance their understanding, unity, and identity as a part of the Defence Ministry members, in meeting the goals so that the organisation would remain relevant and effective as our country's wall of defence.

At the same ceremony, the Secretary General also had the opportunity to present “Sijil Pencapaian 100% AIMS” for the year 2021 to 34 PTJ and launch the AIMS 3.0 system.

Also, a total of 15 PTJ have been awarded with “Anugerah PTJ Terbaik” for the year 2022 by the Secretary General.

Also present at the ceremony were the Chiefs of Services and the upper management of the Defence Ministry.

# PANGLIMA ANGKATAN TENTERA PERKASA HUBUNGAN DIPLOMASI PERTAHANAN DAN ANTARABANGSA DI LUBNAN



LUBNAN, 23 Februari 2022 – Sempena lawatan kerja Panglima Angkatan Tentera Malaysia ke Kontinjen Malbatt 850-9 yang melaksanakan misi pengaman di bawah Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan atau United Nations Interim Force in Lebanon (UNIFIL), Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM mengambil inisiatif memperkasakan jaringan hubungan diplomasi pertahanan serta antarabangsa melalui kunjungan hormat beliau kepada pucuk pimpinan UNIFIL, Angkatan Tentera Lubnan (Lebanese Armed Forces) dan tidak ketinggalan turut melaksanakan pertemuan dengan Duta Besar Malaysia ke Lubnan.

Memulakan hari kedua lawatan kerja beliau pada 21 Februari 2022, Panglima Angkatan Tentera telah disambut dengan penghormatan ketenteraan ketika membuat kunjungan hormat kepada Timbalan Ketua Misi (Deputy Head of Mission) UNIFIL, Mr. Jack Christofides yang turut disertai oleh Timbalan Komander (Deputy Force Commander) UNIFIL, Brigedier Jeneral Irvine Nii-Ayitey Aryeetey di Markas UNIFIL, Naqoura.

Pertemuan Panglima Angkatan Tentera dengan kedua-dua pucuk pimpinan UNIFIL berkenaan merupakan agenda utama dalam menyatakan komitmen Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) khususnya dalam misi pengaman tersebut, seterusnya berupaya memperkukuhkan keyakinan antarabangsa sejak Malaysia terlibat menghantar anggota ATM ke Lubnan bermula tahun 2007 yang kemudiannya turut disertai secara bersama oleh

beberapa pegawai serta anggota daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) pada tahun 2008.

Bermula detik itu, Malaysia dan ATM khususnya terus diberi kepercayaan untuk kekal terlibat dalam misi pengaman di negara berkenaan yang bukan sahaja menyerlahkan kemampuan anggota ATM, malah turut membuktikan kredibiliti, kewibawaan dan kecemerlangan ATM itu sendiri di peringkat antarabangsa.

Bagi memperkasakan kerjasama pertahanan antara angkatan tentera kedua-dua buah negara, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi turut mengadakan kunjungan hormat kepada Panglima Angkatan Tentera Lubnan (Lebanese Armed Forces Commander), Jeneral Joseph Khalil Aoun di Kementerian Pertahanan Lubnan di Beirut.

Pengekalan dan pemerkasaan kerjasama pertahanan ini amat penting bagi meningkatkan kesefahaman dan menyatakan komitmen angkatan tentera kedua-dua buah negara, tambahan ATM melalui kontinjen MALBATT mengawalselia kawasan tanggungjawab seluas 288 km persegi serta memantau keselamatan di 48 buah perbandaran (municipalities) di bawah kawalan operasi Markas Sektor Barat, UNIFIL.

Pengekalan kesefahaman dan keyakinan Lubnan khususnya angkatan tentera negara berkenaan terhadap ATM juga merupakan suatu pengiktirafan dan penghargaan lebih-lebih lagi kontinjen MALBATT amat komited melaksanakan pelbagai aktiviti operasi secara berkala bersama Angkatan Tentera Lubnan di bawah pengoperasian Independent and Coordinated Activity With Lebanese Armed Forces (COAWL).

Ini membuktikan komitmen padu ATM dan tidak ketinggalan Kerajaan Brunei melalui penyertaan ABDB di dalam pasukan MALBATT terhadap usaha mewujudkan keamanan sejagat di peringkat antarabangsa yang seterusnya berupaya menambat hati rakyat Lubnan berdasarkan konsep winning the heart and mind melalui pelaksanaan program seperti Key Leaders Engagement, Combined Outreach Program, Program Khidmat Sosial dan program-program Civil Military Cooperation (CIMIC) termasuklah menyediakan rawatan perubatan dan pergigian percuma serta membantu menaiktaraf kemudahan awam dan sekolah komuniti setempat.

Mengakhiri sesi kunjungan hormat, Panglima Angkatan Tentera turut ke Kedutaan Malaysia di Beirut bagi mengadakan pertemuan dengan Duta Besar Malaysia ke Lubnan iaitu Tuan Yang Terutama (TYT) Azri Mat Yacob.

Pertemuan ini merupakan antara inisiatif memperkasakan hubungan ATM dan Kedutaan dalam aspek perkongsian pandangan bagi usaha meningkatkan hubungan dua hala antara Malaysia-Lubnan melalui penglibatan dan peranan MALBATT dalam misi pengaman di negara berkenaan.

Turut mengiringi Panglima Angkatan Tentera dalam kesemua kunjungan hormat ini ialah Panglima Angkatan Bersama, Leftenan Jeneral Dato' Indera Hj. Yazid bin Hj. Arshad TUDM; Ketua Pengarah Perancangan Pembangunan Markas ATM, Brigedier Jeneral Dato' Wan Amin Hafiz bin Wan Mahmud TUDM dan Komander MALBATT 850-9, Kolonel Megat Maz Ardi bin Nohuddin.

Sesungguhnya, penglibatan ATM dan ABDB melalui kontinjen MALBATT akan terus meletakkan ATM khususnya sebaris dengan angkatan tentera luar yang turut beroperasi di bawah misi pengaman UNIFIL terutamanya di sektor barat Lubnan. Ia sekaligus membuktikan pengiktirafan berterusan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terhadap ATM serta menunjukkan keupayaaan ATM dalam melaksanakan misi-misi pengaman di peringkat antarabangsa.

Sumber : Angkatan Tentera Malaysia

****************************************************************************************************

## THE MALAYSIAN ARMED FORCES CHIEF ENHANCES DEFENCE AND INTERNATIONAL DIPLOMACY TIES IN LUBNAN

LEBANON, February 23, 2022 – General Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang RMAF, the Malaysian Armed Forces Chief, is on his working visit to the Malbatt 850-9 Contingent which is currently carrying out the peacekeeping missions under the United Nations Interim Force in Lebanon (UNIFIL). During this visit, he took the opportunity to call on the top leadership of UNIFIL, the Lebanese Armed Forces, and held a meeting with the Malaysian Ambassador in Lebanon, to further enhance the network of both defence and international diplomacy.

On February 21, the second day of his working visit, he inspected a guard of honour and called on the UNIFIL Deputy Head of Mission, Mr. Jack Christofides, who was also accompanied by UNIFIL Deputy Force Commander, Brigadier General Irvine Nii-Ayitey Aryeetey, at UNIFIL Headquarters, Naqoura.

The meeting between the Malaysian Armed Forces (MAF) Chief and the two UNIFIL top leaders intends to declare the commitment of Malaysia and the Malaysian Armed Forces, particularly to peacekeeping missions. It aims to boost international confidence following Malaysia's involvement in the deployment of MAF personnel to Lebanon beginning in 2007, which was later joined by officers and members of the Royal Brunei Armed Forces (ABDB) in 2008.

Since then, Malaysia and, in particular, the Malaysian Armed Forces (MAF), have been entrusted with the responsibility of participating in peacekeeping operations in the nation. It draws attention to not just the qualities of the MAF members, but also their credibility, authority, and competence on a global scale.

As part of efforts to further strengthen defence cooperation between the two nations' armed forces, General Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi made a courtesy call on General Joseph Khalil Aoun, Commander of the Lebanese Armed Forces, at the Ministry of National Defence in Beirut.

It is important to maintain and develop defence cooperation in order to promote mutual understanding and demonstrate continuous commitment between both parties. Besides, the MAF, through the MALBATT contingent, is responsible for a 288-square-kilometer area of responsibility and security in 48 municipalities under the operational direction of the West Sector Headquarters, UNIFIL.

The sustained understanding and confidence of Lebanon, especially the country's armed forces, towards the MAF is definitely a recognition and appreciation. Moreover, the MALBATT contingent is very committed to carrying out various operational activities on a regular basis with the Lebanese Armed Forces under the Independent Operation and Coordinated Activity With Lebanese Armed Forces (COAWL).

It demonstrates the MAF's credible commitment, along with the government of Brunei, by including ABDB in the MALBATT team in an effort to attain global security and peacekeeping on a worldwide scale. In turn, it seeks to win the hearts of the Lebanese people based on the concept of 'winning the heart and mind' via the execution of programmes such as Key Leaders Engagement, Combined Outreach Program, Social Service Programs, and Civil Military Cooperation (CIMIC). They include offering free medical and dental treatment, as well as assisting in the improvement of public infrastructure and community schools.

At the end of the courtesy call, the Chief of the Malaysian Armed Forces visited the Malaysian Embassy in Beirut to hold a meeting with the Malaysian Ambassador to Lebanon, namely Tuan Yang Terutama (TYT) Azri Mat Yacob.

It became one of the initiatives to strengthen the relationship between the MAF and the Embassy in terms of exchanging views on efforts to enhance bilateral ties between Malaysia and Lebanon through MALBATT's involvement and role in security and peacekeeping missions in the nation.

During the courtesy calls, the Chief of the Malaysian Armed Forces was accompanied by the Joint Forces Commander, Lieutenant General Dato' Indera Hj. Yazid bin Hj. Arshad RMAF; Director General of Development Planning, Malaysian Armed Forces Headquarters, Brigadier General Dato' Wan Amin Hafiz bin Wan Mahmud RMAF; and the Commander of MALBATT 850-9, Colonel Megat Maz Ardi bin Nohuddin.

Indeed, the involvement of the MAF and RBAF through the MALBATT contingent will keep them aligned with the foreign forces operating under the UNIFIL peacekeeping operation, particularly in Lebanon's western region. It also reflects the continuous recognition of the UN's towards MAF and its capacity to carry out international peacekeeping missions.

Source: Malaysian Armed Forces

# KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTAHANAN SEMPURNAKAN PROGRAM CAKNA VETERAN ATM PERINGKAT NEGERI JOHOR



KLUANG, 23 Februari 2022 – Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz telah menyempurnakan Program Cakna Veteran ATM Peringkat Negeri Johor di Kluang, Johor.

Program ini merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pertahanan dalam menjaga kebajikan Veteran ATM yang tergolong dalam kelompok B40 kesinambungan daripada Kempen Tabung Pahlawan 2020. Selain lawatan kebajikan, program ini turut diisi dengan penyampaian peralatan elektrik, kotak makanan dan juga sumbangan wang tunai.

Seramai 5 orang Veteran ATM telah berjaya disantuni dan maklumat ringkas Veteran-Veteran ATM yang dilawati adalah seperti berikut :

a. Pegawai Waren II Permalusamy a/l Thirupathy Kowandan (Bersara) beralamat di No 8, Jalan Selar 1, Taman Sri Paya, 86000 Kluang, Johor. Berusia 77 tahun dan merupakan veteran yang terlantar akinat sakit buah pinggang.

b. Sarjan Sahak bin Sajiran (Bersara) beralamat di No 8, Jalan Sri Jaya 10, Taman Sri Jaya 86000 Kluang, Johor. Berusia 72 tahun dan merupakan veteran terlantar akibat lumpuh.

c. Koperal Abdul Halim bin Hussain (Bersara) beralamat di No 24, Jalan Delima 14/1, Taman Delima, 86000 Kluang, Johor. Berusia 54 tahun dan merupakan veteran yang mempunyai masalah mata dan sakit kaki akibat kemalangan semasa dalam perkhidmatan (kaki kanan masuk besi).

d. Koperal Abd Majid bin Lohang (Bersara) beralamat di No 12, Jalan Delima 4, Taman Delima, 86000 Kluang. Berusia 56 tahun dan merupakan veteran OKU.

e. Lans Koperal Mohd Johari bin Rajikin (Bersara) beralamat No 76, Jalan Yakin 16, Taman Sri Lambak, 86000 Kluang, Johor. Berusia 61 tahun dan merupakan veteran yang mengalami sakit urat saraf dan sakit buah pinggang (dialisis). Pernah terkena tembakan komunis di bahagian kaki ketika bertempur di Sarawak.

Manakala 3 orang Veteran ATM yang telah disantuni pada 22 Februari 2022 pula adalah seperti berikut :

a. Koperal Md Nonasi bin Selamat (Bersara) yang beralamat di No 9, Jalan Pelaga, Taman Indah Jaya, 86000 Kluang, Johor. Berusia 61 tahun dan merupakan veteran yang mengalami kecederaan pada kaki akibat terpijak jerangkap samar semasa operasi menentang komunis.

b. Koperal Othman bin Hussin (Bersara) yang beralamat di No 30, Lorong Setia, Kampung Tengah, 86000 Kluang, Johor. Berusia 92 tahun dan merupakan veteran yang terlantar kesan penyakit saraf yang dialami.

c. Koperal Hasrin bin Toredin (Bersara) yang beralamat di No 7, Jalan Tengah 1, Taman Kg Tengah, 86000 Kluang, Johor. Berusia 54 tahun dan merupakan veteran lumpuh separuh badan ekoran kemalangan jalanraya.

Impak positif yang berjaya direalisasikan daripada program yang amat bermakna ini adalah seperti berikut :

a. Lebih ramai Veteran ATM yang terkesan berjaya disantuni bagi mendengar keluh kesah mereka secara bersemuka.

b. Jasa bakti dan pengorbanan yang Veteran ATM curahkan selama ini dalam menentukan keamanan dan keselamatan negara sentiada terpelihara dan mampu meningkatkan semangat patriotisme di kalangan masyarakat.

Justeru, Kementerian Pertahanan beriltizam untuk terus komited dalam mempertingkatkan lagi Program Cakna Veteran ATM melalui siri lawatan kebajikan yang akan datang agar tiada Veteran ATM yang terpinggir daripada menerima insentif yang disediakan.

Sumber : Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM

*****************************************************************************************************

# SECRETARY GENERAL OF DEFENCE MINISTRY COMPLETED "CAKNA VETERAN ATM" PROGRAMME JOHOR STATE LEVEL

KLUANG, February 23 2022 – Secretary General of Defence Ministry, YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz completed "Cakna Veteran ATM" Programme Johor State at Kluang, Johor.

This programme is one of the Defence Ministry initiative in taking care of MAF Veteran's welfare that are included in B40 groups' continuity from Tabung Pahlawan Campaign 2020. Apart from welfare visit, this programme was also filled with presentation of electric appliances, boxes of food and also money donation.

5 MAF Veterans were successfully visited and the short information of the MAF's Veteran visited is as follow:

a. Warrant Officer II Permalusamy a/l Thirupathy Kowandan (Retired) addressed at No 8, Jalan Selar 1, Taman Sri Paya, 86000 Kluang, Johor. Aged 77 years old and is a veteran that is bedridden due to kidney problems
b. Sergeant Sahak bin Sajiran (Retired) addressed at No 8, Jalan Sri Jaya 10, Taman Sri Jaya 86000 Kluang, Johor. Aged 72 years old and is a veteran that is bedridden due to paralyse.
c. Coporal Abdul Halim bin Hussain (Retired) addressed at No 24, Jalan Delima 14/1, Taman Delima, 86000 Kluang, Johor. Aged 54 years old and a veteran having eye problems and leg pains due to an accident when in service (iron punctured in right leg).
d. Corporal Abd Majid bin Lohang (Retired) addressed at No 12, Jalan Delima 4, Taman Delima, 86000 Kluang. Aged 56 years old and is veteran with disability.
e. Lance Corporal Mohd Johari bin Rajikin (Retired) adressed No 76, Jalan Yakin 16, Taman Sri Lambak, 86000 Kluang, Johor. Aged 61 years old and is a veteran that suffers from nerve pains and kidney problems (dialysis). Was once shot by communist on his leg when battling in Sarawak

Whereas 3 MAF Veteran that were visited on 22 February 2022 is as follow:

a. Corporal Md Nonasi bin Selamat (Retired) addressed at No 9, Jalan Pelaga, Taman Indah Jaya, 86000 Kluang, Johor. Aged 61 years old and is a veteran who experience leg injury due to stepping on booby-trap while in an operation against communist.
b. Corporal Othman bin Hussin (Retired) addressed at No 30, Lorong Setia, Kampung Tengah, 86000 Kluang, Johor. Aged 92 years old and is a veteran bedridden affected by nerve disease experienced.
c. Corporal Hasrin bin Toredin (Retired) addressed at No 7, Jalan Tengah 1, Taman Kg Tengah, 86000 Kluang, Johor. Aged 54 years old and is a veteran who is half body paralyse due to road accident.

The positive impact successfully accomplished from this meaningful programme is as follow:

a. More MAF Veteran affected were successfully visited to listen to their grievances in person.
b. The service and sacrifice poured by MAF Veteran all this time in determining the peace and safety of the country are always protected and can improve the patriotism spirit in the community.

Hence, the Defence Ministry are determined to continue being committed in further improving "Cakna Veteran ATM" Programme through series of welfare visits in the future so no MAF Veteran are excluded from accepting incentives provided.

Source: MAF Veteran Affairs Department (JHEV)

# EMPAT PEGAWAI KANAN DINAIKKAN PANGKAT



KUALA LUMPUR, 24 Februari 2022 – Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM telah menyempurnakan Upacara Pemakaian Pangkat kepada tiga (3) Pegawai Kanan TUDM dan seorang Pegawai Kanan Tentera Darat bertempat di Eagle Nest, Markas Tentera Udara.

Mencatatkan sejarah manis khususnya bagi Cawangan Tadbir apabila Panglima Tentera Udara menyempurnakan pemakaian pangkat kepada Brig Jen Dato' Ahmad bin Abd Rahman TUDM yang dinaikkan ke pangkat Mej Jen TUDM dan kekal menjawat jawatan sebagai Timbalan Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota (T AKSPA) di MATM Bahagian Perkhidmatan Anggota.

Upacara pemakaian pangkat turut menyaksikan dua (2) pegawai kanan TUDM dinaikkan ke pangkat Pemangku Kolonel TUDM iaitu Lt Kol Mah Kok Leon TUDM yang membuat tugas Pengarah Latih di MTU-Bahagian Sumber Manusia dan Lt Kol Mohd Sam bin Mohd Yusof TUDM yang membuat tugas sebagai Pengarah Pasukan Simpanan Tentera Udara.

Seterusnya, Panglima Tentera Udara bersama Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Datuk Seri Mohammad bin Ab Rahman telah turut menyempurnakan upacara pemakaian pangkat kepada Mej Salahuddin bin Shafiee yang dinaikkan pangkat ke Pemangku Lt Kolonel dan membuat tugas sebagai PS 1 Agama KAGAT di Markas Tentera Udara.

Turut hadir menyaksikan upacara pemakaian pangkat ini adalah Timbalan Panglima Tentera Udara, Lt Jen Dato' Sri Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM; Panglima Operasi Udara, Lt Jen Dato' Indera Hj Mohamad Salleh bin Hj Osman TUDM; Panglima Bantuan Udara, Lt Jen Dato' Indera Muhamad Norazlan bin Aris TUDM; Panglima Pendidikan dan Latihan Udara, Mej Jen Dato' Mohd Shahada bin Ismail TUDM; Ketua Pengarah Kor Agama Angkatan Tentera, Mej Jen Hj Muhammad Azmi bin Wahab serta beberapa pegawai kanan TUDM.

Seluruh warga TUDM mengucapkan tahniah kepada Mej Jen Dato’ Ahmad bin Abd Rahman TUDM, Kol Mah Kok Leon TUDM, Kol Mohd Sam bin Mohd Yusof TUDM dan Lt Kol Salahuddin bin Shafiee yang dinaikkan pangkat hari ini.

Sesungguhnya kenaikan pangkat tersebut adalah bukti kepercayaan pucuk pimpinan tertinggi ATM dan TUDM di atas prestasi dan dedikasi yang dicurahkan untuk perkhidmatan serta menjadi motivasi kepada yang lain.

**********************************************************************************************************

# FOUR SENIOR OFFICERS PROMOTED

KUALA LUMPUR, February 24 2022 – Chief of Air Force, Gen Tan Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad RMAF completed the Pinning-on Rank Ceremony to three (3) RAMF Senior Officers and one Senior Army Officer held at Eagle Nest, Air Force Headquarters.

History was recorded especially for Administrative Branch when Chief of Air Force completed the pinning-on rank to Brig Gen Dato’ Ahmad bin Abd Rahman RAMF who was promoted to Maj Gen RAMF rank and remain as the Deputy Assistant Chief of Staff for Personnel Services (T AKSPA) at Malaysian Armed Forces Headquarters Personnel Services Division.

The pinning-on rank ceremony also witnessed two (2) RAMF senior officers promoted to Acting Colonel of the RAMF which is Lt Col Mah Kok Leon RAMF which is the Training Director at Air Force Headquarters – Human Resource Division and Lt Col Mohd Sam bin Mohd Yusof RAMF, the Air Force Volunteer Reserve Director.

Furthermore, Chief of Air Force with Deputy Chief of Army, Lt Gen Datuk Seri Mohammad bin Ab Rahman also completed the pinning-on rank ceremony to Maj Salahuddin bin Shafiee who was promoted to Acting Lt Colonel and tasked as PS 1 Religion KAGAT at Air Force Headquarters.

Also present witnessing the pinning-on rank ceremony is the Deputy Chief Air Force, Lt Gen Dato' Sri Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan RAMF; Air Operations Commander, Lt Gen Dato' Indera Hj Mohamad Salleh bin Hj Osman RAMF; Air Aid Officer, Lt Gen Dato' Indera

Muhamad Norazlan bin Aris RAMF; Commander of Air Educations and Training Officer, Maj Gen Dato' Mohd Shahada bin Ismail RAMF; Director-General Armed Forces Religious Corps, Maj Gen Hj Muhammad Azmi bin Wahab as well as a few RAMF senior officers.

All RAMF members congratulate Maj Gen Dato' Ahmad bin Abd Rahman RAMF, Col Mah Kok Leon RAMF, Col Mohd Sam bin Mohd Yusof RAMF and Lt Col Salahuddin bin Shafiee who were promoted today.

Indeed the promotion is the evidence of trust from the top leadership of MAF and RAMF on their performance and dedication poured for the service as well as motivation to others.

# ENAM UNIT PESAWAT MD530G PERKUKUHKAN KETUMBUKAN TEMPUR TDM



SUBANG, 28 Februari 2022 – Ketibaan sebanyak enam unit Helikopter MD530G bakal perkukuhkan ketumbukan tempur Tentera Darat Malaysia (TDM).

Panglima Tentera Darat (PTD), Jeneral Tan Sri Dato' Seri Zamrose bin Mohd Zain hadir menyaksikan peristiwa bersejarah tersebut di Hangar 2 Invation Aero, Subang pada hari ini.

Pesawat MD530G merupakan pesawat buatan Amerika Syarikat dan dibina oleh MD Helicopter Inc (MDHI) yang dibekalkan oleh Syarikat Halaman Optima Sdn Bhd melalui Syarikat Destini Prima Sdn Bhd.

Terdahulu, helikopter ini telah selamat tiba di Pelabuhan Klang pada 21 Februari 2022 jam 0300 setelah melalui pelayaran panjang selama 31 hari dari Pelabuhan Oakland, Amerika Syarikat pada 20 Januari 2022.

Selain membekal enam buah helikopter, kontrak perolehan ini juga merangkumi program latihan untuk juruterbang dan juruteknik Pasukan Udara Tentera Darat (PUTD). Seramai lapan juruterbang dan sembilan juruteknik telah menghadiri program latihan tersebut di Mesa, Arizona, Amerika Syarikat selama 43 hari bermula pada 26 April hingga 11 Jun 2021.

Pesawat ini juga telah melalui pemeriksaan kefungsian dan keupayaan pesawat. Ia dilakukan demi menentukan kualiti pesawat ini menepati spesifikasi TDM. Pemeriksaan ini merangkumi pemeriksaan fizikal pesawat, pemeriksaan kefungsian/keupayaan pesawat, pemeriksaan fizikal alat ganti, pemeriksaan 'Flight Training Device' (FTD) (simulator) dan pemeriksaan fizikal persenjataan pesawat.

Peranan utama helikopter ini adalah sebagai pesawat tempur ringan dan keupayaan kuasa tembakan (firepower) yang dimiliki oleh pesawat ini mampu menggempur kenderaan perisai ringan dan trup infantri pada jarak 500 meter ke tujuh kilometer. Bukan itu sahaja, ketangkasan (agility) yang dimiliki oleh helikopter ini juga membolehkan ianya melaksanakan tugas tinjauan udara.

Perolehan aset sebegini juga sejajar dengan Tonggak Pertama Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28, iaitu; “Kelangsungan Misi dan Kesiagaan” dengan memberi penumpuan kepada peningkatan tahap kesiagaan, kompentensi dan aset TDM.

****************************************************************************************************

## SIX MD530G HELICOPTERS TO BOLSTER MALAYSIAN ARMY’S COMBAT CAPABILITY

SUBANG, February 28, 2022 – The arrival of six MD530G helicopters will boost the Malaysian Army's combat capability (TDM).

General Tan Sri Dato' Seri Zamrose bin Mohd Zain, the Malaysian Army Chief, was present here at Hangar 2 Invation Aero in Subang to witness this memorable occasion.

The MD530G helicopters were made by MD Helicopter Inc (MDHI), based in the United States, and supplied by Syarikat Halaman Optima Sdn Bhd through Syarikat Destini Prima Sdn Bhd.

Earlier, they arrived at Port Klang at 0300 on February 21, after a 31-day journey from Oakland Harbour, United States, on January 20, 2022.

Apart from the six helicopters, the procurement contract also included training programmes for the Malaysian Army Aviation (PUTD). A total of eight pilots and nine technicians attended the training programme at Mesa, Arizona, in the US for 43 days from April 26 to June 11, 2021.

The helicopters had passed a series of functional and capability assessments to ensure that they met the Malaysian Army's quality standards. These inspections include the physical, functional, and capability aspects of the helicopters, as well as spare parts, Flight Training Device (FTD) (simulator), and armament inspections.

The main duty of the helicopters is as light attack helicopters and will be able to attack light armoured vehicles and infantry troops at a range of 500 metres to seven kilometres, other than having the agility to perform air reconnaissance.

This procurement aligns with the first pillar of the 28th Chief of the Malaysian Army Superior Order, which is "Mission Continuity and Preparedness," which emphasises the level of alertness, competencies, and assets of the Malaysian Army.